

A large, abstract graphic composed of thick, white, wavy lines on a dark blue background. The lines form organic, flowing shapes that resemble smoke or stylized waves.

OWNER'S MANUAL

1VP-F8199-30



Baca buku panduan dengan teliti sebelum mengendalikan motosikal ini. Buku panduan ini diberi percuma dengan pembelian motosikal.

PENGENALAN

Selamat datang ke dunia motosikal Yamaha!

Sebagai pemilik motor **T115S / T115SE / T115SEC**, anda bertuah kerana Yamaha mempunyai pengalaman yang amat luas dan teknologi baru terhadap rekabentuk dan pengeluaran produk yang berkualiti tinggi, dimana ianya memberikan Yamaha reputasi yang benar-benar boleh diharapkan. Sila luangkan masa membaca buku panduan ini, supaya dapat mengetahui kesemua kelebihan dan keistimewaan motosikal **T115S / T115SE / T115SEC**. Buku panduan ini bukan hanya memberitahu bagaimana untuk menyelenggara, memeriksa dan penjagaan motosikal, tetapi juga bagaimana untuk melindungi diri dan orang lain daripada masalah dan kecederaan.

Sebagai tambahan, banyak panduan-panduan di berikan dalam buku panduan ini yang akan membantu untuk mengekalkan keadaan motosikal anda dalam keadaan yang terbaik. Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi wakil penjual Yamaha.

Kami dan pasukan Yamaha, mendoakan semoga perjalanan anda selamat dan menyeronokkan. Oleh itu, ingatlah untuk mengutamakan keselamatan!.

Yamaha akan terus mencari kemajuan dalam rekabentuk dan kualiti produk. Oleh itu, ianya mengandungi informasi yang terkini semasa buku panduan ini dicetak, ia mungkin mengandungi sedikit perselisihan informasi antara motosikal dan buku panduan. Jika terdapat pertanyaan mengenai buku panduan, hubungi wakil Yamaha.

⚠ AMARAN

Sila baca buku panduan ini dengan teliti dan lengkap sebelum mengendalikan motosikal ini.

MAKLUMAT PENTING PEMANDUAN

Maklumat penting di dalam buku panduan pemilik ini dapat dikelaskan dengan simbol seperti berikut :

	Ini simbol keselamatan berjaga-jaga. Untuk memberitahu mengenai kemungkinan risiko kematangan. Patuhi semua mesej yang mempunyai simbol ini untuk mengelak daripada kematangan atau kematian.
 AMARAN	AMARAN menandakan risiko dimana, jika tidak dielak, mungkin menyebabkan kecederaan serius atau kematian.
PERHATIAN:	PERHATIAN menandakan tindakan berjaga-jaga yang perlu diambil untuk mengelak kerosakan pada motosikal dan harta benda lain.
TIP :	TIP menandakan tindakan berjaga-jaga yang perlu diambil untuk mengelak kerosakan pada motosikal dan harta benda lain.

ISI KANDUNGAN

LOKASI LABEL PENTING	1-1
MAKLUMAT KESELAMATAN	1-2
KETERANGAN	2-1
Pandangan kiri	2-1
Pandangan kanan.....	2-2
Alatan dan kawalan	2-3
ALATAN DAN FUNGSI KAWALAN	3-1
Kunci utama/ kunci stereng	3-1
Penutup lubang kunci	3-2
Lampu penunjuk	3-3
Unit jangkalaju	3-3
Penyukat bahan api	3-4
Suis-suis handlebar	3-4
Pedal penukar gear	3-5
Tuil brek	3-5
Pedal brek	3-5
Penutup tangki bahan api	3-6
Bahan api	3-6
Tuil penghidup (choke)	3-7
Penghidup tendang	3-8
Tempat duduk	3-8
Penyangkut topi keledar	3-9
Ruang penyimpanan	3-9
Pangsi sisi	3-9
PEMERIKSAAN SEBELUM KENDALIAN	4-1
Senarai pemeriksaan sebelum kendalian.....	4-2

OPERASI DAN PANDUAN PENTING	
PENGGANGGAN	5-1
Menghidup dan memanaskan enjin yang sejuk	5-1
Menghidupkan enjin yang panas	5-2
Penukar gear	5-2
Tip-tip pengurangan penggunaan bahan api...5-3	
Permulaan pengoperasian enjin.....	5-3
Meletakkan motosikal	5-5
Catatan am	5-6
PENYELENGGARAAN BERKALA DAN PEMBAIKAN MUDAH	6-1
Beg alatan pemilik	6-1
Carta penyelenggaraan berkala dan pelinciran	6-2
Menanggal dan memasang panel dan penutup	6-5
Pemeriksaan palam pencucuh	6-8
Minyak enjin	6-10
Elemen penapis minyak enjin	6-11
Menukar elemen penapis udara	6-12
Pelarasan halaju tanpa gerak	6-14
Penyelarasen gerak bebas kabel pendikit	6-14
Jarak bebas injap	6-15
Tayar	6-15
Roda	6-17

Pemeriksaan gerak bebas tuil brek hadapan	6-18
Pelarasan gerak bebas pedal brek belakang	6-18
Pelarasan suis lampu brek belakang	6-19
Memeriksa pad brek hadapan dan kekasut brek belakang	6-19
Memeriksa paras minyak brek hadapan.....	6-20
Menukar minyak brek	6-20
Rantai pemacu kendur	6-21
Membersih dan melincir rantai pemacu	6-23
Pemeriksaan dan pelinciran kabel	6-23
Pemeriksaan dan pelinciran pengcengkam pendikit dan kabel	6-23
Melincir tuil brek hadapan	6-24
Melincir pedal brek belakang	6-24
Pemeriksaan dan pelinciran pangsi tengah dan pangsi sisi	6-24
Pelinciran pangsi memblok (swingarm pivots)	6-25
Pemeriksaan cabang hadapan	6-25
Pemeriksaan stering	6-26
Pemeriksaan galas-galas roda	6-26
Bateri	6-27
Penggantian fius	6-28

ISI KANDUNGAN

Penukaran mentol lampu hadapan...	6-29
Penukaran mentol lampu isyarat arah dan lampu bantuan hadapan.....	6-29
Penukaran mentol lampu isyarat belakang/ brek.....	6-30
Roda hadapan.....	6-31
Roda belakang.....	6-32
Rajah penentuan masalah.....	6-35

PENJAGAAN DAN PENYIMPANAN

MOTOSIKAL	7-1
Penjagaan.....	7-1
Penyimpanan	7-3

SPESIFIKASI	8-1
--------------------------	-----

MAKLUMAT PENGGUNA	9-1
No pengenalan	9-1

MAKLUMAT PENTING PEMANDUAN

**T115S / T115SE / T115SEC
BUKU PANDUAN PEMILIK**

© 2013 oleh Yamaha Motor Co. Ltd.

Cetakan Pertama Ogos 2013

Hak Cipta terpelihara

**Tidak boleh diterbitkan semula, disimpan
dalam cara yang boleh dipergunakan lagi ataupun
digunakan lagi, jika tanpa izin terlebih dahulu dari**


Yamaha Motor Co. Ltd.

Dicetak di Malaysia

LOKASI LABEL PENTING

1

Baca dan fahami semua label pada motosikal. Ia mengandungi maklumat penting mengenai keselamatan dan cara pengendalian motosikal yang betul. Jangan tanggalkan mana-mana label pada motosikal anda. Jika label menjadi sukar untuk dibaca atau tercabut, penggantian label boleh diperolehi daripada wakil Yamaha.



Jadilah penunggang yang bertanggung-jawab.

Sebagai pengguna motosikal, anda bertanggungjawab ke atas keselamatan dan pengendalian motosikal yang betul. Motosikal adalah kenderaan satu-laluan. Keselamatan dan pengendalian motosikal bergantung kepada teknik penunggangan yang betul dan juga kemahiran penunggang. Setiap penunggang motosikal harus tahu keperluan seperti berikut sebelum menunggang motosikal.

Anda perlu:

- Memperoleh arahan yang lengkap dari sumber yang betul dalam semua aspek pengendalian motosikal.
- Sentiasa berwaspada dengan tanda amaran dan keperluan penjagaan di dalam buku panduan.
- Memperoleh latihan dalam teknik penunggangan yang betul dan selamat.
- Memperoleh teknikal servis yang profesional seperti yang ditunjukkan di dalam buku panduan dan/atau jika diperlukan oleh keadaan mekanikal.

Penunggangan selamat

Lakukan pemeriksaan sebelum kendalian setiap kali ingin menggunakan motosikal untuk memastikan ianya selamat untuk dikendalikan. Kegagalan untuk memeriksa dan mengekalkan motosikal dalam keadaan baik memungkinkan kemalangan atau kerosakan peralatan. Lihat muka-surat 5-1 untuk senarai pemeriksaan kendalian.

- Motosikal ini direka untuk membawa penunggang dan penumpang.
- Kegagalan pemandu kenderaan untuk mengesan dan mengenal pasti penunggang motosikal adalah punca utama kemalangan kenderaan/motosikal. Kebanyakan kemalangan di-sebabkan pemandu kenderaan yang tidak peras kewujudan motosikal. Pastikan penunggang menunggang dalam keadaan yang mudah dilihat untuk mengelakkan kemalangan.

Oleh itu :

- Pakai jaket yang berwarna terang.
- Lebih berhati-hati apabila menghampiri atau melalui simpang, memandangkan simpang adalah

tempat yang sentiasa berlakunya kemalangan motosikal.

- Menunggang diruangan yang dapat dilihat oleh pemandu kenderaan. Elakkan daripada menunggang di ruang yang terhalang daripada pemandangan pemandu kenderaan.
- Kebanyakan kemalangan melibatkan penunggang yang tidak berpengalaman. Pada hakikatnya, kebanyakkan penunggang yang terlibat dalam kemalangan tidak mempunyai lesen menunggang motosikal.
 - Pastikan bahawa anda berkelayakan dan meminjamkan motosikal hanya kepada pengendali yang berkelayakan sahaja.
 - Mengetahui kemahiran dan kemampuan. Memandu dengan kemampuan akan dapat mengelakkan diri dari kemalangan.
 - Kami mencadangkan supaya latihan menunggang di jalan raya yang tidak sibuk sehingga sudah bersedia dan dapat membiasakan diri dengan motosikal dan dapat mengawal kendaliannya sebaik mungkin.
- Kebanyakan kemalangan berlaku disebabkan kesilapan penunggang motosikal. Salah satu kesalahan

MAKLUMAT KESELAMATAN

1

yang sering dilakukan oleh penunggang motosikal ialah mengubah haluan dari jarak jauh dengan membelok dengan kelajuan tinggi atau di luar kawalan (tidak cukup kecondongan sudut dalam kelajuan).

- Sentiasa mematuhi had kelajuan dan jangan memandu dengan kelajuan lebih daripada yang dibenarkan di jalan raya dan keadaan lalu lintas.
- Sentiasa memberikan lampu isyarat sebelum memblok atau menukar laluan. Pastikan agar pemandu kereta lain boleh melihat anda.
- Cara duduk tubuh badan penunggang dan penumpang adalah penting untuk pemanduan yang betul.
- Penunggang harus sentiasa menetapkan kedudukan kedua-dua tangan di handlebar dan kedua-dua kaki di tempat rehat kaki penunggang untuk mengekalkan kawalan motosikal.
- Pembonceng harus sentiasa memegang penunggang motosikal atau bar pemegang dengan kedua-dua tangan (jika ada) dan kedua-dua kakinya sentiasa letak diatas tempat rehat kaki penumpang. Jangan memulakan perjalanan sehingga pembonceng meletakkan kaki pada tempat rehat kaki dengan kemas.

- Jangan sekali-kali menunggang di bawah pengaruh alkohol atau dadah.

Pemakaian perlindungan

Kebanyakan kematian yang berlaku dalam kemalangan motosikal adalah disebabkan oleh kecederaan pada bahagian kepala. Penggunaan topi keledar keselamatan adalah satu faktor penting dalam mengelakkan atau mengurangkan kecederaan di bahagian itu.

- Sentiasa memakai topi keledar yang diluluskan.
- Memakai pelindung muka atau pelindung mata. Jika tidak memakai pelindung mata, angin yang masuk ke dalam mata boleh mengaburi penglihatan daripada melihat keadaan yang berbahaya.
- Penggunaan jaket, but yang berat, seluar panjang, sarung tangan, dan lain-lain adalah berkesan untuk mengelak atau mengurangkan luka akibat geseran atau kecederaan.
- Jangan memakai pakaian yang longgar, ianya boleh mempengaruhi kawalan tuil, kedudukan kaki, atau roda dan seterusnya menyebabkan kecederaan atau kemalangan.
- Sentiasa memakai pakaian yang dapat melindungi kaki, buku lali dan tapak

kaki. Enjin dan ekzos akan menjadi panas apabila atau selepas motosikal digunakan dan boleh menyebabkan melecur.

- Penumpang juga haruslah mematuhi arahan keselamatan diatas.

Elakkan Keracunan Karbon Monoksida

Semua ekzos pada enjin mengandungi karbon monoksida, gas yang mendatangkan maut. Bernafas dalam udara yang mengandungi karbon monoksida menyebabkan sakit kepala, pening, sesak nafas, rasa loya, kebingungan dan berkemungkinan mendatangkan maut. Karbon monoksida tidak berwarna, tidak berbau, tiada rasa yang mana akan ada walaupun anda tidak lihat atau bau asap ekzos. Tahap bahaya karbon monoksida boleh meningkat dengan cepat dan boleh menjadikan kehilangan kawalan diri dalam masa yang singkat. Juga, gas ini boleh berada dalam ruang yang mempunyai pengudaraan yang lemah selama beberapa jam atau mungkin beberapa hari. Jika anda mengalami simptom-simtom keracunan gas karbon monoksida ini, tinggalkan kawasan itu secepat mungkin, dapatkan udara yang segar dan DAPATKAN RAWATAN PERUBATAN.



MAKLUMAT KESELAMATAN

- Jangan hidupkan enjin di dalam kawasan yang tertutup. Walaupun menggunakan kipas ataupun membuka tingkap dan pintu untuk pengudaraan, karbon monoksida boleh meningkat ke paras bahaya secepat mungkin.
- Jangan hidupkan enjin dalam ruang yang mempunyai pengudaraan yang lemah dan kawasan yang separa tertutup seperti garaj, bangsal atau tempat letak kereta yang berbungkung.
- Jangan hidupkan enjin di kawasan luar yang boleh menyebabkan asap ekzos memasuki bangunan melalui tingkap ataupun pintu.

Bebanan

Menambah muatan atau alatan tambahan pada motosikal boleh menjadikan kestabilan dan kawalan sekiranya pengagihan berat berbeza. Untuk mengelak kemungkinan berlakunya kemalangan, berhati-hati semasa menambah alatan tambahan atau muatan dan pemanduan yang cermat. Disini, disediakan informasi mengenai alatan tambahan dan panduan am untuk diikuti apabila menambah muatan pada motosikal.

Jumlah berat penunggang, penumpang, alatan tambahan dan muatan tidak boleh melebihi berat maksimum yang telah diberikan. Pengendalian yang melebihi muatan akan menyebabkan kemalangan.

Muatan maksimum:

150 kg (331 lb)

Apabila membawa muatan dengan berat yang ditetapkan, sentiasa mengikuti arahan berikut:

- Berat muatan dan alat kelengkapan sepatutnya dikekalkan rendah dan dekat dengan motosikal seboleh mungkin. Pastikan pengagihan berat di antara kedua-dua belah sisi motosikal anda adalah seimbang untuk mengurangkan ketidakseimbangan atau kestabilan.
- Penukaran berat boleh membuatkan ketidakseimbangan secara tiba-tiba. Pastikan alat kelengkapan dan muatan diletakkan dengan cara yang selamat pada motosikal sebelum ditunggang. Sentiasa periksa ikatan kesemua alat kelengkapan dan muatan.

- Melaras suspensi bersesuaian dengan berat muatan, dan periksa tekanan angin dan keadaan tayar. Jangan letakkan sesuatu yang besar atau berat pada handlebar, cabang hadapan, atau alas geseran hadapan. Kesemua alat ini, termasuk muatan seperti beg tidur, beg berbulu tebal, atau khemah, boleh menjadikan ketidakstabilan pengawalan atau tindakbalas pemanduan yang perlahan.

- Kenderaan ini tidak direka untuk menarik kenderaan lain atau dipasang kereta penumpang di sebelah.

Alatan Tambahan Tulen Yamaha

Pemilihan alatan tambahan untuk motosikal anda adalah keputusan yang penting. Alatan tambahan tulen yang hanya pada wakil Yamaha telahpun direka, diuji dan diluluskan oleh Yamaha untuk kegunaan motosikal anda. Banyak syarikat yang tiada jalinan antara Yamaha mengeluarkan komponen dan alatan tambahan atau memberikan pengubahsuaian pada motosikal Yamaha.

MAKLUMAT KESELAMATAN

1

Yamaha tidak akan menguji terlebih dahulu produk yang dikeluarkan oleh syarikat-syarikat lain. Oleh itu, Yamaha tidak menggalakkan pemasangan alatan ataupun pengubahsuaian motosikal yang tidak dikeluarkan dan dijual oleh Yamaha, walaupun ia dijual dan dipasang oleh wakil Yamaha.


Barangan Selepas Pasaran, Alatan Tambahan dan Pengubahsuaian

Anda akan dapat jumpa produk-produk barangan selepas pasaran yang seakan-akan sama bentuk dan kualiti dengan alatan tambahan tulen Yamaha, menyedari sesetengah alatan tambahan selepas pasaran atau pengubahsuaian tidak sesuai disebabkan oleh risiko keselamatan kepada penunggang atau orang lain. Memasang produk selepas pasaran ataupun membuat modifikasi pada motosikal yang mengubah bentuk dan pengendalian motosikal boleh mendarangkan risiko yang tinggi untuk cedera atau kematian pada penunggang dan orang lain. Anda bertanggungjawab pada kecederaaan berkenaan berikutkan pengubahsuaian pada motosikal.

Ingin panduan berikut dan juga yang telah diberikan pada bahagian ‘Bebanan’ apabila memasang alatan tambahan.

- Jangan memasang alatan tambahan atau membawa muatan yang boleh menjejaskan prestasi motosikal. Berhati-hati memeriksa alatan tambahan sebelum menggunakan nya untuk memastikan ianya tidak menghalang kelancaran apabila selekoh dan jalan lurus, had suspensi dalam perjalanan jauh, pergerakan stereng atau pengendalian kawalan atau kemalapan lampu dan pemantul cahaya.
- Alatan tambahan yang di pasang pada handlebar atau pun pada cabang hadapan menjadikan motosikal tidak stabil disebabkan pengagihan beban atau daya gerak udara berubah. Jika alatan tambahan dipasang pada handlebar atau pada cabang hadapan seharusnya tidak mempunyai berat yang berlebihan.
- Alatan tambahan yang besar dan mengambil banyak ruang mem beri kesan yang serius dalam kestabilan motosikal disebabkan oleh daya gerak udara. Udara akan menolak motosikal menjadikan ianya hilang kestabilan. Alatan tambahan yang besar juga akan menyebabkan motosikal hilang keseimbangan sekiranya memotong atau dipotong oleh kenderaan besar. Sesetengah alatan tambahan menyebabkan penunggang berada pada posisi tunggang yang tidak sepatutnya. Ketidak sesuaian ini menghadkan pergerakan penunggang. Oleh itu, alatan tambahan seperti itu tidak digalakkan.
- Berhati-hati semasa memasang alatan tambahan elektrikal. Jika alatan tambahan elektrikal ini melangkui kapasiti sistem elektrikal motosikal, akan menyebabkan kegagalan elektrik, kegagalan lampu berfungsi atau kuasa enjin mungkin terjadi.

Pandangan kiri




- 1- Lampu isyarat hadapan/ lampu bantuan (m/s 6-28)
2- Lampu hadapan (m/s 6-27)
3- Cermin
4- Penyangkut helmet (m/s 6-17)

- 5- Beg alatan pengguna (m/s 6-1)
6- Lampu belakang/ lampu brek (m/s 6-29)
7- Pedal penukar gear (m/s 5-2)
8- Bolt salur keluar minyak enjin (m/s 6-8)

KETERANGAN

Pandangan kanan


2



- 1- Penutup tangki bahan api
(m/s 3-7)
2- Suis lampu brek belakang
(m/s 3-7)
3- Bateri
(m/s 3-6)
4- Takungan minyak brek hadapan
(m/s 6-25)
5- Penutup penapis minyak enjin
(m/s 3-8)

- 6- Penghidup tendang
(m/s 6-18)
7- Pedal brek
(m/s 6-8)
8- Elemen penapis minyak enjin
(m/s 6-16)
9- Penapis udara
(m/s 6-9)
10- Lampu penunjuk
2-2
(m/s 6-5)

Alatan dan Kawalan



1- Suis-suis handlebar (kiri)
2- Unit jangkalaju
3- Meter bahan api


(m/s 3-4)
(m/s 3-3)
(m/s 3-4)

4- Suis utama
5- Suis-suis handlebar (kanan)
6- Pemegang pendikit

(m/s 3-1)
(m/s 3-4)
(m/s 6-21)

ALATAN DAN FUNGSI KAWALAN

Kunci utama/kunci stering



3

Kunci utama/ kunci stering mengawal pencucuhan dan sistem lampu, mengunci stering dan juga untuk membuka tempat duduk. Ia digambarkan seperti berikut:


TIP :

Kunci utama ini dilengkapi dengan penutup lubang kunci (lihat m/s 3-2 untuk prosedur membuka dan menutup)

On


Semua litar elektrik dibekalkan kuasa bateri, lampu pada meter menyalas dan enjin boleh dihidupkan. Kunci tidak boleh dikeluarkan.

OFF (Push/Release)



OFF

LOCK (Insert)



Off

Kesemua litar elektrik di putuskan. Kunci boleh di keluarkan.

Lock

Stering dikuncikan dalam kedudukan semua litar elektrik di putuskan. Kunci boleh dikeluarkan.

Untuk mengunci stering:

1. Pusing handlebar ke sebelah kiri sepenuhnya.
2. Tolakkan kunci pada posisi "OFF", lepaskan kemudian pusingkan ke arah "LOCK"
3. Keluarkan kunci.

Untuk membuka kunci stering:


Masukkan kunci, kemudian pusing kan ia ke arah "OFF"

AMARAN


Jangan pusing kunci ke arah "OFF" atau "LOCK" semasa motosikal bergerak, jika tidak litar elektrik akan terpadam, boleh menyebabkan hilang kawalan atau kemalangan. Pastikan motosikal tidak bergerak sebelum kunci dipusing ke arah "OFF" atau "LOCK"

ALATAN DAN FUNGSI KAWALAN

Penutup lubang kunci




1. Kunci penutup
Untuk membuka dan menutup penutup lubang kunci.
 2. Kunci penghidup
Untuk menghidupkan engin.



Untuk membuka penutup lubang kunci

Masukkan kunci penutup pada tempatnya seperti yang ditunjukkan, kemudian pusingkan kunci ke kiri untuk membuka penutup lubang kunci.




1. Tekan butang penutup

Untuk menutup penutup lubang kunci

Tekan butang penutup selepas menarik keluar kunci.

ALATAN DAN FUNGSI KAWALAN

Lampu penunjuk



3

1. Lampu penunjuk isyarat arah "↔ ↔"
2. Lampu penunjuk panceran lampu tinggi "☰"
3. Lampu penunjuk gear Neutral "N"
4. Lampu penunjuk posisi gear "1" "2" "3" "4"
5. Lampu amaran enjin bermasalah ".engine"

Lampu penunjuk isyarat arah "↔ ↔"
Lampu penunjuk ini akan berkelip apabila suis isyarat arah dihidupkan ke kiri atau ke kanan.

Lampu penunjuk panceran lampu tinggi "☰"
Lampu penunjuk ini akan menyala sekiranya suis panceran lampu tinggi dihidupkan.

Lampu penunjuk gear Neutral "N"

Lampu penunjuk ini akan menyala sekiranya gear berada dalam keadaan Neutral

Lampu penunjuk posisi gear "1" "2" "3" dan "4"


Lampu penunjuk akan menyala mengikut posisi gear apabila gear berkeadaan 1, 2, 3 atau 4.

Lampu amaran engin bermasalah "engine"

Lampu amaran akan bernyala atau berkelip apabila mendapati sistem pengawaian enjin bermasalah. Hubungi wakil Yamaha untuk memeriksanya.

Sistem pengawaian elektrik boleh diperiksa melalui memasang suis kekunci ke arah "ON". Jika lampu amaran menyala seketika, tidak bernyala langsung atau kekal bernyala, dapatkan bantuan wakil Yamaha.

Unit jangkalaju




1. Jangkalaju
2. Jangkaligat

Unit jangkalaju ini dilengkapi dengan jangkalaju dan jangkaligat. Jangkalaju menunjukkan kelajuan penunggangan. Jangkaligat menunjukkan jarak yang telah dilalui.

ALATAN DAN FUNGSI KAWALAN

Penyukat bahan api



1. Kawasan merah
2. Penyukat bahan api


Meter bahan api menunjukkan jumlah kuantiti petrol di dalam tangki bahan api. Jika jarum penunjuk bergerak ke "E" (Empty), ini menunjukkan kuantiti bahan api berkurangan. Apabila jarum telah sampai ke zon merah, anggaran 1.0L (0.26 US gal) (0.22 Imp.gal) baki didalam tangki bahan api. Jika ini terjadi, isi bahan api secepat mungkin.

TIP :

- Jangan biarkan tangki bahan api kosong sepenuhnya.
- Kunci utama perlu diletakkan di kedudukan "ON" untuk menunjukkan kuantiti bahan api dalam tangki.

Suis-suis handlebar

Kiri



1. Suis horn " - 2. Suis isyarat arah " - 3. Suis lampu pemalap " 

Suis Hon "

Hon akan berbunyi apabila suis ini ditekan.


Suis isyarat arah "

Untuk menunjukkan pusingan ke kanan, tolak suis ke " 

Suis lampu pemalap "

Letakkan suis pada kedudukan " 

Kanan



1. Suis penghidup " 

Suis penghidup "


Tekan suis untuk menghidupkan enjin menggunakan penghidup

PERHATIAN :

Lihat muka surat 5-1 untuk arahan permulaan sebelum menghidupkan enjin.

ALATAN DAN FUNGSI KAWALAN

Pedal penukaran gear



3


1. Pedal penukaran gear

Ia terletak pada bahagian kiri di bahagian enjin. Motosikal ini dilengkapi dengan 4 gear kelajuan dengan gigi gear yang bersentuhan secara berterusan.

TIP :

Gunakan ibu jari untuk meningkatkan gear dan tumit untuk menurunkan gear.


Tuil brek



1. Tuil brek

Tuil brek terletak pada bahagian kanan handlebar. Untuk menggunakan brek hadapan, Tarik tuil brek ke arah handlebar (seperti arah pada rajah).

Pedal brek




1. Pedal brek

Pedal brek terletak pada bahagian kanan motosikal. Untuk menggunakan brek belakang, tekan pedal brek ke arah bawah (seperti yang ditunjukkan pada rajah)

ALATAN DAN FUNGSI KAWALAN

3

Penutup tangki bahan api



1. Penutup tangki bahan api
2. "△" penanda selari

Untuk membuka penutup tangki bahan api

1. Buka tempat duduk (lihat m/s 3-8).
2. Pusingkan penutup pada arah lawan arah jam dan tarik keluar.


Untuk memasang penutup tangki bahan api

1. Masukkan penutup tangki bahan api pada tempatnya dan pusingkan ia pada arah lawan jam sehingga penanda "△" pada penutup dan tangki selari.
2. Tutup semula tempat duduk.

AMARAN

Pastikan penutup bahan api ditutup rapat sebelum memulakan perjalanan

Bahan api



1. Tuib penapis tangki bahan api
2. Aras bahan api

Pastikan bahan api di dalam tangki mencukupi

AMARAN

Gasolin dan gas gasolin adalah sangat mudah terbakar. Untuk mengelak daripada kebakaran atau letupan dan untuk mengurangkan risiko kcederaan semasa mengisi bahan api, turuti arahan berikut.

1. Sebelum mengisi minyak, matikan dahulu enjin dan pastikan tiada sesiapa yang duduk di atas motosikal. Jangan mengisi bahan api semasa merokok, terdapat percikan atau api, ataupun punca-punca yang boleh menyebabkan nyalaan api seperti lampu pemanas air atau pengering pakaian.

2. Jangan tumpahkan bahan api pada tangki. Hentikan pengisian bahan api apabila bahan api menyentuh tuib penapis. Pemanasan daripada enjin atau matahari menyebabkan bahan api tertumpah keluar dari tangki.

ALATAN DAN FUNGSI KAWALAN

3. Lap secepat mungkin tumpahan bahan api.

PERHATIAN:

Lapkan secepat mungkin tumpahan bahan api dengan kain yang bersih, kering kerana bahan api boleh merosakkan permukaan cat atau bahagian plastik.

3

4. Pastikan penutup tangki bahan api ditutup dengan rapat.

AMARAN

Gasolin adalah bahan yang mengandungi racun yang boleh menyebabkan kecederaan atau kematian. Menggunakan ia secara berhati-hati. Jangan memasukkan gasolin ke dalam mulut. Jika tertelan, terhidu gas gasolin yang banyak, gasolin terkena mata, segera dapatkan pemerhatian daripada doktor. Jika gasolin terkena kulit, basuh menggunakan air sabun. Jika terkena pada pakaian, tukar pakaian.

Bahan api yang disyorkan:

Gasolin biasa tanpa plumbum sahaja

Muatan tangki bahan api:


4.1L
(0.89 Imp gal)

PERHATIAN: _____

Gunakan minyak tanpa plumbum sahaja. Penggunaan minyak berplumbum akan menyebabkan kerosakan pada bahagian dalaman enjin seperti injap dan gelang omboh. Begitu juga dengan sistem ekzos.

ALATAN DAN FUNGSI KAWALAN


Penghidup tendang



1. Penghidup tendang

Jika enjin gagal dihidupkan menggunakan suis penghidup, cuba gunakan penghidup tendang. Untuk menghidupkan enjin, lipat keluar penghidup tendang, turunkan perlahan-lahan menggunakan kaki sehingga gear dimasukkan dan kemudian tendangkannya kebawah dengan lancar tetapi kuat.

Tempat duduk



1. Kunci tempat duduk
2. Tempat duduk

Tempat duduk

Untuk membuka tempat duduk

1. Letakkan motosikal pada kedudukan pangsi tegak.
2. Masukkan kunci pada suis utama, pusingkan ia ke arah lawan jam pada kedudukan "OPEN"

TIP : _____

Kunci tidak perlu ditekan semasa memusingkannya.

3. Angkat tempat duduk.

Untuk menutup tempat duduk


1. Letak dan tekan tempat duduk untuk mengunci tempat duduk pada tempatnya.
2. Keluarkan kunci pada suis utama sekiranya motosikal ditinggalkan.

TIP :

Pastikan tempat duduk dikunci dengan kemas sebelum memulakan penunggangan.

ALATAN DAN FUNGSI KAWALAN

Penyangkut topi keledar



3

1. Penyangkut topi keledar

Pemegang topi keledar berada di bawah tempat duduk

Cara menyangkut topi keledar pada penyangkut:

1. Buka tempat duduk (lihat m/s 3-8).
2. Sangkutkan topi keledar di tempat penyangkut topi keledar, dan kemudian tutup dan kuncikan tempat duduk.


AMARAN

Jangan menunggang motosikal jika topi keledar berada di tempat penyangkutnya, topi keledar mungkin akan terlanggar sesuatu objek, menyebabkan hilang kawalan dan mengakibatkan kemalangan.

Cara mengambil topi keledar dari penyangkut:

Buka tempat duduk, keluarkan topi keledar dari penyangkut topi keledar, dan kemudian tutup tempat duduk.

Ruang penyimpanan



1. Ruang penyimpanan

Terdapat ruang penyimpanan pada bahagian bawah tempat duduk (lihat m/s 3-8). Apabila menyimpan pengguna atau dokumen-dokumen di dalam ruang ini, pastikan ianya dibalut dengan plastik untuk mengelakkan daripada basah. Jika membasuh motosikal, berhati-hati jangan biarkan air memasuki ruang ini.

Pangsi sisi

Pangsi sisi terletak pada bahagian kiri. Angkat atau turunkan pangsi sisi dengan kaki anda semasa motosikal berada dalam keadaan tegak.

AMARAN

Motosikal tidak boleh ditunggang dengan pangsi sisi diturunkan, atau jika pangsi sisi tidak diangkat sepenuhnya, pangsi sisi akan menyentuh permukaan jalan dan akan menganggu kawalan, mengakibatkan kehilangan kawalan.

PEMERIKSAAN SEBELUM KENDALIAN

Periksa motosikal setiap kali digunakan untuk memastikan motosikal di dalam keadaan yang selamat digunakan. Sentiasa menuruti prosedur pemeriksaan dan penjagaan juga jadual yang disediakan di dalam Buku Panduan Pengguna.

AMARAN

Kegagalan untuk memeriksa dan menjaga motosikal dengan baik boleh meningkatkan kemungkinan kerosakan atau kemalangan. Elakkan menggunakan motosikal jika terdapat kerosakan. Jika masalah itu tidak dapat dibetulkan menggunakan prosedur yang disediakan di dalam buku panduan ini, dapatkan wakil Yamaha untuk pemeriksaan.

Sebelum menggunakan motosikal ini, periksa bahagian-bahagian berikut:

PEMERIKSAAN SEBELUM KENDALIAN

Senarai pemeriksaan sebelum kendalian.

PERKARA	PEMERIKSAAN	MUKASURAT
Bahan api	<ul style="list-style-type: none">Periksa paras bahan api di dalam tangki.Tambah jika perlu.Periksa kebocoran bahan api.	3-7
Minyak enjin	<ul style="list-style-type: none">Periksa paras minyak dalam enjin.Jika perlu, tambah minyak enjin yang disyorkan mengikut paras yang ditanda.Periksa motosikal jika ada kebocoran.	6-8
Suspensi depan dan belakang	<ul style="list-style-type: none">Periksa kendaliannya.Periksa jika ada kebocoran minyak pada sistem suspensi	6-23
Brek hadapan	<ul style="list-style-type: none">Periksa kendaliannya.Jika brek terlalu lembut atau kenyal, dapatkan pemeriksaan daripada wakil Yamaha.Periksa kehausan pada pad brek hadapan.Ganti jika perluPeriksa paras cecair brek dalam takungan.Jika perlu, tambah cecair brek yang disyorkan pada paras yang ditetapkan.	6-18, 6-19
Brek belakang	<ul style="list-style-type: none">Periksa kendaliannya.Periksa gerak bebas tuilLaraskannya jika perlu.	6-17
Pendikit	<ul style="list-style-type: none">Pastikan gerakan operasinya lancar.Periksa gerak bebas kabel pendikitJika perlu dapatkan wakil Yamaha untuk laraskan gerak bebas,lincirkan kabel dan pemegang pendikit	6-12, 6-13
Kabel kawalan	<ul style="list-style-type: none">Pastikan ia boleh beroperasi dengan baik.Lincirkan dengan minyak jika perlu.	6-21
Rantai pemacu	<ul style="list-style-type: none">Periksa kelongsongan rantai.Laraskan jika perlu.Periksa keadaan rantai.Lincirkan jika perlu	6-19, 6-20

PEMERIKSAAN SEBELUM KENDALIAN

4

PERKARA	PEMERIKSAAN	MUKASURAT
Roda dan tayar	<ul style="list-style-type: none">• Periksa jika terdapat kerosakan.• Periksa keadaan dan kehausan bunga tayar• Periksa tekanan angin.• Baiki jika perlu	6-13, 6-15
Pedal brek	<ul style="list-style-type: none">• Pastikan operasinya berkeadaan baik.• Lincirkan pangsi pedal brek jika perlu	6-16
Tuil brek	<ul style="list-style-type: none">• Pastikan operasinya lancar.• Lincirkan tempat-tempat penting jika perlu.	6-16
Pangsi tengah, pangsi sisi	<ul style="list-style-type: none">• Pastikan operasinya lancar.• Lincirkan tempat-tempat penting jika perlu.	6-22
Peneguh rangka	<ul style="list-style-type: none">• Pastikan semua nat, bolt dan skru diketatkan dengan kemas• Ketatkan jika perlu.	—
Alatan, lampu, lampu isyarat arah dan suis	<ul style="list-style-type: none">• Periksa operasinya• Baiki jika perlu	—
Bateri	<ul style="list-style-type: none">• Periksa voltan	6-25

OPERASI DAN PANDUAN PENTING PENUNGGANGAN

Baca Buku Panduan Pengguna untuk lebih memahami dengan kawalan motosikal ini. Jika terdapat kawalan atau fungsi yang tidak difahami, dapatkan wakil Yamaha untuk penerangan.

AMARAN

- Pastikan anda faham sepenuhnya dengan kendalian operasi fungsi-fungsi sebelum menunggang. Dapatkan wakil Yamaha mengenai kendalian atau fungsi yang tidak difahami.
- Jangan menghidupkan enjin di Kawasan yang tertutup sama sekali. Asap ekzos mengandungi racun, jika terhadu boleh mengakibatkan pengsan atau pun kematiian dalam masa yang singkat. Sentiasa memastikan adanya sistem pengudaraan yang mencukupi.

- Sebelum memulakan penunggangan, pastikan pangsi sisi diangkat. Jika lanya tidak diangkat sepenuhnya, mungkin menyentuh permukaan tanah dan menyebabkan kehilangan kawalan.

PERHATIAN:

Jangan menunggang melalui air yang dalam (termasuk lopak air), enjin mungkin mengalami kerosakan.

Menghidup dan memanaskan enjin yang sejuk

1. Pusingkan kunci ke kedudukan "ON"
2. Pastikan kedudukan gear berada pada Neutral.

TIP :

Bila kedudukan gear berada pada Neutral, lampu penunjuk gear Neutral akan menyala. Jika tidak, dapatkan pemeriksaan litar elektrik daripada wakil Yamaha.

3. Motosikal diletakkan pada kedudukan tegak menggunakan pangsi tengah

AMARAN

Sebelum menghidupkan enjin pastikan motosikal dalam keadaan gear Neutral dan menggunakan pangsi tengah

4. Hidupkan enjin dengan menekan suis penghidup atau menggunakan penghidup tendang.

OPERASI DAN PANDUAN PENTING PENUNGGANGAN

TIP:


Jika enjin gagal dihidupkan apabila menggunakan suis penghidup, lepaskan suis dan tunggu beberapa saat sebelum menghidupkannya semula. Setiap kali menggunakan suis penghidup pastikan menekan ia sesingkat mungkin untuk memelihara keadaan bateri. Jangan menekan suis terlalu lama sehingga lebih dari 10 saat dalam sekali percubaan. Jika enjin masih gagal dihidupkan, cuba gunakan penghidup tendang.

5. PERHATIAN: Untuk memaksimumkan jangka hayat enjin, pastikan enjin dipanaskan dahulu sebelum memulakan perjalanan. Jangan memulas pendikit dengan kuat semasa enjin berkeadaan sejuk.

Menghidupkan enjin yang panas

Prosedur yang sama dilakukan seperti menghidupkan enjin yang yang sejuk.

Penukar gear



1. Pedal penukar gear

N. Posisi Neutral

5

Penukar gear membolehkan aman pengawalan kuasa yang digunakan oleh enjin untuk memulakan perjalanan, memecut, menaiki bukit dan lain-lain. Semasa menukar gear, pastikan pendikit tidak dipulas. Penggunaan pedal penukar gear digambarkan pada rajah di atas.

OPERASI DAN PANDUAN PENTING PENUNGGANGAN

PERHATIAN:

- Apabila menukar gear pastikan lanya betul-betul ditransmisikan pada posisinya.
- Pastikan pendikit tertutup semasa penukaran gear dilakukan.
- Pastikan lampu penunjuk gear Neutral menyala semasa gear berkeadaan Neutral.

5

Tip-tip pengurangan penggunaan bahan api

Penggunaan bahan api bergantung kepada cara penunggangan. Di bawah adalah tip-tip pengurangan penggunaan bahan api:-


- Menukar gear dengan cepat, dan elakkan kelajuan enjin semasa memecut.
- Jangan memulas pendikit semasa menurunkan posisi gear, dan elakkan kelajuan enjin yang tiada beban pada enjin
- Matikan enjin daripada membiarkan enjin hidup dalam jangka masa yang lama semasa meletakkan motosikal.

Permulaan pengoperasian enjin

Tiada yang lebih penting untuk jangka hayat enjin dalam ruang masa sekitar 0 ke 1000km (600mi). Untuk itu, anda harus membaca bahagian ini dengan teliti. Memandangkan enjin berkeadaan baru, jangan meletakkan beban yang melampau dalam masa 1000km (600mi) ke bawah pada enjin. Bahagian-bahagian dalam enjin belum dapat memberi keserasian untuk pengoperasian yang cekap. Dalam jangkamasa ini, elakkan penggunaan pendikit secara maksimum ataupun perkara-perkara yang boleh menyebabkan enjin menjadi panas lampau.


OPERASI DAN PANDUAN PENTING PENUNGGANGAN

0-150 km (0-90 mi)




1/3

150-500 km (90-300 mi)



1/2

500-1000 km (300-600 mi)



3/4

Elakkan operasi melebihi 1/3 pendikit terlalu lama.

- Selepas pengoperasi yang lama, matikan enjin dan biarkan ia sejuk selama 5 hingga 10 minit.
- Ubah kelajuan enjin dari masa ke masa. Jangan menetapkan kelajuan disatu kedudukan pendikit sahaja.


Elakkan operasi melebihi 1/2 pendikit.

- Ubah kelajuan setiap masa, jangan sesekali memulas pendikit sepenuhnya.

Elakkan operasi dalam jangka masa yang panjang melebihi 3/4 pendikit.

OPERASI DAN PANDUAN PENTING PENUNGGANGAN

1000 km (600 mi) and beyond



Meletakkan motosikal

Semasa meletakkan motosikal, matikan enjin dan keluarkan kunci daripada suis utama.

AMARAN

- Kerana enjin dan ekzos motosikal akan menjadi panas, motosikal hendaklah diletakkan di tempat yang tidak mudah terkena pada pejalan kaki atau kanak-kanak. Jangan letakkan motosikal di tempat yang berbukit atau tanah yang lembut, motosikal mungkin akan tumbang.

5

Elakkan operasi pendikit secara maksimum dalam jangka masa panjang. Ubah kelajuan dari masa ke semasa.

PERHATIAN

Selepas 1000km (600mi) pengoperasian, minyak enjin perlu ditukar, penapis minyak enjin atau elemen perlu diganti. Jika terdapat masalah dalam jangka masa permulaan pengoperasian enjin ini, dapatkan wakil Yamaha untuk pemeriksaan pada motosikal.

OPERASI DAN PANDUAN PENTING PENUNGGANGAN


Catatan Am

Banyak kebaikan yang dapat diperolehi dari penggunaan dan penyelenggaraan sesebuah motosikal dengan cara yang betul.

1. PELANGGAN BOLEH MENGGUNAKAN KEUPAYAAN MOTOSIKAL YAMAHA DENGAN SEPENUHNYA.




2. SETIAP MOTOSIKAL BOLEH DIPANJANGKAN KEUPAYAANNYA KEPADA TEMPOH YANG LEBIH LAMA.



OPERASI DAN PANDUAN PENTING PENUNGGANGAN

3. KOS MINYAK DAN PEMBAIKAN BOLEH DIKURANGKAN KE TAHPA YANG MINIMA.



5



4. SESEBUAH MOTOSIKAL BOLEH MENDAPAT TAWARAN HARGA TINGGI APABILA DIGANTIKAN SEBAGAI BARANG YANG TERPAKAI.




PENYELENGGARAAN BERKALA DAN PEMBAIKAN MUDAH

Keselamatan adalah kepentingan bagi semua pemilik. Pemeriksaan berkala, penyelarasan dan pelinciran dapat menjadikan motosikal dalam keadaan yang selamat dan berkecekapan baik. Perkara yang paling penting semasa pemeriksaan, penyelarasan dan pelinciran diterangkan pada bahagian mukasurat sebelah. Jarak antara yang diberikan di dalam jadual pemeriksaan berkala dan pelinciran adalah panduan am penunggangan motosikal secara normal. **Walaubagaimana pun, bergantung kepada keadaan cuaca, permukaan tanah, lokasi geografi dan kegunaan individu, jarak antara penyelenggaraan perlu dikurangkan.**

AMARAN

Jika tidak biasa dengan kerja-kerja penyelenggaraan, dapatkan wakil Yamaha untuk bantuan penyelenggaraan.

Beg alatan pemilik



1. Beg alatan pemilik

Beg alatan pemilik terletak di dalam ruang penyimpanan di bawah tempat duduk (lihat m/s 3-8).

Panduan servis termasuk buku panduan ini dan alatan yang disediakan di dalam beg alatan pemilik bertujuan melatih untuk penyelenggaraan atau membaiki motosikal ketika mengalami kerosakan kecil. Walaubagaimana pun, alatan tambahan perlu juga digunakan untuk kerja-kerja penyelenggaraan yang lebih cekap.

TIP :

Jika tidak mempunyai alatan atau pengalaman mengenai kerja-kerja khusus, dapatkan wakil Yamaha untuk bantuan.



AMARAN

Pengubahsuuaian tidak dibenarkan oleh Yamaha kerana ia boleh menyebabkan motosikal kehilangan kuasa dan menjadikan ia tidak selamat digunakan. Dapatkan nasihat daripada wakil Yamaha terlebih dahulu sebelum menukar sesuatu komponen.

PERHATIAN:

Pembuangan cecair (minyak, cecair penyejuk, dan lain-lain) dan bateri secara terbuka boleh merosakkan alam sekitar. Dapatkan wakil Yamaha untuk pembuangan yang betul supaya dapat menyelamatkan alam sekitar

PENYELENGGARAAN BERKALA DAN PEMBAIKAN MUDAH

Carta penyelenggaraan berkala dan pelinciran

TIP :

- Pemeriksaan tahunan perlu dilakukan setiap tahun, kecuali jika penyelenggaraan berpandukan jarak kilometer telah dilakukan.
- Setelah mencapai 8,000km, ulangi jadual penyelenggaraan kembali kepada 4,000km dan seterusnya.
- Tanda * perlu dilakukan oleh wakil Yamaha kerana penggunaan alatan khas, data dan kemahiran teknikal.

NO.	Perkara	Kerja Pemeriksaan atau Penyelenggaraan	Bacaan Jangkäligat (x1000km)					Pemeriksaan Tahunan
			0.5	2	4	6	8	
1 *	Saluran bahan api	<ul style="list-style-type: none">• Periksa hos minyak dan vakum sekiranya terdapat kebocoran.		✓	✓	✓	✓	✓
2	Palam pencucuh	<ul style="list-style-type: none">• Periksa keadaan.• Bersih dan laraskan kedudukan jarak.		✓		✓		
3		<ul style="list-style-type: none">• Gantikan.			✓		✓	
3 *		<ul style="list-style-type: none">• Periksa gerak bebas injap.• Penyelarasian.		✓	✓	✓	✓	
4	Elemen penapis udara	<ul style="list-style-type: none">• Periksa		✓		✓		
5		<ul style="list-style-type: none">• Gantikan						Setiap 16,000 Km
5 *	Bateri	<ul style="list-style-type: none">• Periksa voltan dan terminal.		✓	✓	✓	✓	✓
6 *	Brek hadapan	<ul style="list-style-type: none">• Periksa operasi, paras cecair dan kebocoran cecair brek.	✓	✓	✓	✓	✓	✓
6		<ul style="list-style-type: none">• Gantikan pad brek.						Apabila mencapai had kehausan
7 *	Brek belakang	<ul style="list-style-type: none">• Periksa operasi dan penyelarasian gerak bebas pedal brek.	✓	✓	✓	✓	✓	✓
7		<ul style="list-style-type: none">• Gantikan kekasut brek.						Apabila mencapai had kehausan
8 *	Hos brek	<ul style="list-style-type: none">• Periksa kebocoran atau kerosakan.		✓	✓	✓	✓	✓
8		<ul style="list-style-type: none">• Gantikan.						Setiap 4 tahun

PENYELENGGARAAN BERKALA DAN PEMBAIKAN MUDAH

NO.	Perkara	Kerja Pemeriksaan atau Penyelenggaraan	Bacaan Jangkaligat (x1000km)					Pemeriksaan Tahunan
			0.5	2	4	6	8	
9 *	Roda	<ul style="list-style-type: none"> Periksa keseimbangan, ikatan jejari roda dan kerosakan lain. Ketatkan ikatan jejari jika perlu (untuk roda berjejari sahaja). 		✓	✓	✓	✓	
10 *	Tayar	<ul style="list-style-type: none"> Periksa kedalaman bunga tayar dan kerosakan. Gantikan jika perlu. Periksa tekanan udara. Laraskan jika perlu. 		✓	✓	✓	✓	✓
11 *	Galas-galas roda	<ul style="list-style-type: none"> Periksa kelonggaran atau kerosakan pada galas. 		✓	✓	✓	✓	
12 *	Swingarm	<ul style="list-style-type: none"> Periksa kendalian dan operasi apabila beban diletakkan. 		✓	✓	✓	✓	
13		<ul style="list-style-type: none"> Lincirkan dengan gris yang berasaskan lithium-soap. 	Setiap 24,000 km					
14 *	Galas stereng	<ul style="list-style-type: none"> Periksa kelancaran pergerakan galas dan stereng. 	✓	✓	✓	✓	✓	
15 *		<ul style="list-style-type: none"> Lincirkan dengan gris yang berasaskan lithium-soap. 	Setiap 24,000km					
16	Pengait chassis	<ul style="list-style-type: none"> Pastikan kesemua nat, bolt dan skru diikat kemas. 		✓	✓	✓	✓	✓
17	Pangsi sisi dan tengah	<ul style="list-style-type: none"> Periksa operasi. Minyak/ lincirkan. 		✓	✓	✓	✓	✓
18 *	Cabang hadapan	<ul style="list-style-type: none"> Periksa operasi dan kebocoran minyak. 		✓	✓	✓	✓	
19 *	Pemasangan penyerap hentak	<ul style="list-style-type: none"> Periksakan operasi dan kebocoran minyak pada penyerap hentak. 		✓	✓	✓	✓	
20		<ul style="list-style-type: none"> Laraskan kelajuan yang dikehendaki. 	✓	✓	✓	✓	✓	✓
21	Minyak enjin	<ul style="list-style-type: none"> Gantikan. Periksa paras minyak dan kebocoran pada motosikal. 	✓	✓	✓	✓	✓	✓
	Elemen penapis minyak	(Ch) Tukarkan, (Cl) Bersihkan	Ch	Ch	Cl	Ch	Cl	

PENYELENGGARAAN BERKALA DAN PEMBAIKAN MUDAH

NO.	Perkara	Kerja Pemeriksaan atau Penyelenggaraan	Bacaan Jangkaligat (x1000km)					Pemeriksaan Tahunan
			0.5	2	4	6	8	
22 *	Suis brek hadapan	<ul style="list-style-type: none"> • Periksa operasi. • Periksa kebocoran minyak. 	✓	✓	✓	✓	✓	
23 *		<ul style="list-style-type: none"> • Periksa operasi. 	✓	✓	✓	✓	✓	✓
24	Bahagian bergerak & kabel	<ul style="list-style-type: none"> • Minyak / lincirkan. 		✓	✓	✓	✓	✓
25 *	Pendikit dan kabel	<ul style="list-style-type: none"> • Periksa operasi dan gerak bebas. • Laraskan gerak bebas kabel pendikit jika perlu. • Lincirkan pencengkam pendikit dan kabel. 		✓	✓	✓	✓	✓
26 *	Sistem rangsangan udara	<ul style="list-style-type: none"> • Periksa kerosakan pada injap-henti udara, injap sehala dan hos • Tukarkan bahagian yang rosak jika perlu. 		✓	✓	✓	✓	✓
27 *	Lampu, signal dan suis	<ul style="list-style-type: none"> • Periksa operasi. • Laraskan lampu hadapan. 	✓	✓	✓	✓	✓	✓


6

TIP :

- Penapis udara perlu dibersihkan selalu sekiranya sering melalui tempat yang berdebu atau berair.
- Penyelenggaraan brek hidraulik
 - Selalu periksa paras minyak brek dan jika perlu tambahkannya.
 - Setiap 2 tahun gantikan komponen-komponen dalaman brek silinder utama, dan tukarkan minyak brek.
 - Gantikan hos-hos brek setiap 4 tahun sekali dan jika terdapat kerosakan atau rekahan.

PENYELENGGARAAN BERKALA DAN PEMBAIKAN MUDAH

Menanggalkan dan memasang panel dan penutup



1. Penutup A
2. Penutup B
3. Panel
4. Penutup sisi
5. Panel belakang

Penutup dan panel perlu ditanggalkan untuk melakukan kerja-kerja penyelegaraan yang dibincangkan dalam bahagian ini. Rujuk bahagian ini setiap kali penutup dan panel perlu ditanggalkan dan dipasang.


Memasang dan menanggalkan penutup



1. Penutup A
2. Skru (x4)

Tanggal Peutup A

Buka skru penutup seperti digambar dan keluarkan penutup A.




1. Penutup belakang
2. Skru (x6)

Memasang Penutup A


Letakkan penutup pada tempat asalnya, kemudian pasangkan skru.

PENYELENGGARAAN BERKALA DAN PEMBAIKAN MUDAH

Penutup B




1. Penutup B
2. Skru (x 2)




1. Penutup B
2. Skru penutup (x 2)



6



1. Penutup B
2. Skru Penutup (x 4)



1. Skru Penutup (x 2)

Menanggalkan penutup B


Tanggalkan skru di penutup B dan keluarkan penutup B.

Memasang penutup B

Pasang semula penutup B di posisi asal semula dan pasangkan skru.

PENYELENGGARAAN BERKALA DAN PEMBAIKAN MUDAH

Panel



1. Panel
2. Skru
3. Bolt


Menanggalkan panel

1. Buka tempat duduk. (lihat m/s 3-8).
2. Buka bolt dan skru, kemudian tanggalkan panel seperti yang ditunjukkan.

Memasang panel

Letakkan panel pada kedudukan asal, kemudian pasangkan bolt dan skru.

Panel Belakang



1. Panel belakang
2. Skru

Menanggalkan panel belakang

1. Keluarkan skru.
2. Tarik bahagian panel ke atas dan selanjutnya geser panel ke depan untuk melepaskan panel.




Memasang panel belakang

1. Pasangkan panel bahagian belakang terdahulu dan tekan kedalam bahagian depan.
2. Pasangkan skru.


PENYELENGGARAAN BERKALA DAN PEMBAIKAN MUDAH

Penutup Sisi




1. Penutup bateri
2. Skru (x 1)

6



1. Penutup sisi
2. Skru (x 4)



1. Penutup sisi
2. Skru depan (x 1)

Menanggalkan penutup sisi


Tanggalkan skru dari penutup sisi seperti ditunjukkan pada gambar.

Memasang semula penutup sisi

Pasangkan semula penutup sisi seperti yang ditunjukkan pada gambar.

Pemeriksaan palam pencucuh

Palam pencucuh adalah bahagian enjin yang penting, dimana ia mudah diperiksa. Memandangkan haba dan kekotoran akan menyebabkan palam pencucuh perlahan-lahan terhakis, ia harus diperiksa dan diganti dengan merujuk kepada rajah penyelenggaraan dan pelinciran berkala. Selain itu, keadaan palam pencucuh mempengaruhi keadaan enjin.



1. Spana palam pencucuh

PENYELENGGARAAN BERKALA DAN PEMBAIKAN MUDAH

Untuk tanggalkan palam pencucuh

1. Menanggalkan palam pencucuh Letakkan motosikal dalam keadaan pangsi tengah
2. Tanggalkan panel (lihat m/s 6-5)
3. Tanggalkan penutup palam pencucuh
4. Tanggalkan palam pencucuh seperti yang ditunjuk dalam rajah menggunakan spana palam pencucuh yang disediakan dalam beg alatan pemilik.

Memeriksa palam pencucuh

1. Periksa dikeliling penebat porselin dan di tengah elektrod palam pencucuh berwarna kelabu yang sedikit cerah (Warna ini biasanya untuk motosikal yang ditunggang dengan keadaan biasa).

TIP:


Jika palam pencucuh menunjukkan warna yang berlainan setelah digunakan, enjin mungkin beroperasi secara bermasalah. Jangan membaikinya sendiri. Sebaliknya dapatkan wakil Yamaha untuk memeriksanya.

2. Periksa hakisan elektrod pada palam pencucuh dan karbon yang berlebihan atau kotoran lain, dan gantikannya jika perlu.

Palam pencucuh yang disyorkan
NGK CR6HSA / DENSO U20FSR-U

Memasang palam pencucuh

1. UKUR jarak palam pencucuh dengan alat pengukur ketebalan dan jika perlu, selaraskan jarak mengikut spesifikasi.



1. Sela palam pencucuh

Sela palam pencucuh

0.6-0.7mm (0.023-0.027in)

2. Bersihkan permukaan gasket palam pencucuh dan per-mukaan yang kotor, dan bersih-kan sebarang kekotoran pada ulir palam pencucuh.
3. Pasangkan palam pencucuh dengan spana palam pencucuh, dan kemudian ketatkannya kepada spesifikasi tork yang ditentukan.

Tork pengetatan palam pencucuh
12.5Nm (1.25m-kgf, 9.0ft-lbf)

TIP:

Jika tiada spana pengukur tork ketika memasang palam pencucuh, anggaran yang terbaik adalah dengan memulas $\frac{1}{4}$ - $\frac{1}{2}$ pusingan selepas diketatkan dengan tangan. Walau bagaimanapun, palam pencucuh haruslah diketatkan mengikut spesifikasi yang ditetapkan secepat yang mungkin.

4. Pasangkan penutup palam pencucuh
Pasangkan panel

5.

PENYELENGGARAAN BERKALA DAN PEMBAIKAN MUDAH

Minyak Enjin

Paras minyak enjin mestilah selalu diperiksa sebelum penunggangan. Sebagai penambahan, minyak enjin perlu ditukar mengikut tempoh yang ditetapkan seperti dalam rajah penyelenggaraan dan pelinciran.


Memeriksa paras minyak enjin

1. Letakkan motosikal secara tegak menggunakan pangsi tengah.

TIP :

Pastikan motosikal berkeadaan tegak semasa memeriksa paras minyak. Jika ia berkeadaan condong, bacaan akan menjadi tidak tepat.


6



1. Pengukur celup minyak enjin

TIP :

Paras minyak enjin yang betul adalah di antara tanda paras minima dan maksima.



1. Pengukur celup minyak enjin

2. Paras maksimum


3. Paras minimum

4. Jika paras minyak enjin berada atau lebih rendah daripada paras minima, tambahkan minyak yang secukupnya untuk menaikkan paras minyak ke tahap yang sepatutnya.


5. Masukkan pengukur celup ke dalam lubang mengisi minyak enjin, kemudian ketatkan penutup pengukur celup.

2. Hidup dan panaskan enjin untuk beberapa minit, kemudian matikannya.
3. Tunggu beberapa minit sehingga minyak terkumpul, buka penutup ukurcelup, lapkannya dengan kain bersih, masukkan ukurcelup (tanpa mengikatnya) untuk memeriksa paras minyak enjin.


PENYELENGGARAAN BERKALA DAN PEMBAIKAN MUDAH



1. Bolt buangan minyak enjin



1. Bolt
2. Penutup elemen penapis minyak enjin



1. Elemen penapis minyak enjin
2. O-ring
6. Pasang semula penutup penapis minyak enjin, kemudian ketatkan bolt mengikut tork yang ditetapkan.

Menukar minyak enjin

- Hidup dan panaskan enjin untuk beberapa minit, kemudian matikaninya.
- Letakkan bekas minyak yang kosong dibawah enjin untuk menadah minyak yang akan dibuang.
- Buka penutup ukurcelup minyak enjin dan bolt buangan minyak enjin untuk membuang minyak enjin.

PERHATIAN:

Sebelum memasang bolt buangan minyak enjin, pastikan pelapik bolt dipasang.

TIP :

Biarkan langkah 4 hingga 6 jika elemen penapis tidak ditukar.

- Buka penutup elemen penapis minyak dengan membuka skru yang mengikatnya.
- Buka dan gantikan elemen penapis minyak berserta O-ring.

Tork pengetatan

Bolt penutup elemen penapis minyak enjin
10Nm (1.0m-kgf, 7.2ft-lbf)

- TIP :**
Pastikan O-ring dipasang dengan betul.

7. Pasang dan ikat dengan kemas bolt buangan minyak enjin dengan tork yang ditetapkan.

PENYELENGGARAAN BERKALA DAN PEMBAIKAN MUDAH

PERHATIAN:

Sebelum memasang bolt buangan minyak enjin, pastikan pelapik bolt dipasang.

Tork pengetatan

Bolt buangan minyak enjin
20Nm (2.0m-kgf, 20ft-lbf)

6

Minyak enjin yang disyorkan

Lihat m/s 8-1

Jumlah minyak enjin:

Jumlah keseluruhan

1L(1.05US qt)(0.70imp.qt)

Pertukaran minyak enjin berjadual

0.80 (0.85US qt)(0.70imp.qt)


PERHATIAN:

- Hanya gunakan jenama minyak Yamalube sahaja.
- Pastikan tiada bahan asing yang masuk ke dalam kotak gear.

8. Isikan amaun minyak enjin seperti yang disyorkan, kemudian pasang dan ikat dengan kemas penutup pengurucelup.

9. Hidupkan enjin dan biarkan ia beroperasi tanpa gerak untuk beberapa minit. Semasa memanaskan enjin, periksa kebocoran yang mungkin berlaku. Jika terdapat kebocoran, matikan enjin dengan segera dan periksa puncanya.
Matikan enjin dan periksa paras
10. minyak enjin. Tambah atau kurangkan jika perlu.

Mengantikan elemen penapis udara




1. Penapis udara
2. Penutup penapis udara

Element penapis udara perlu diganti dalam tempoh masa seperti dalam jadual penyelenggaraan dan pelinciran. Harus dicuci selepas memandu dalam keadaan lembap atau berhabuk.

1. Tanggalkan penutup (lihat m/s 6-5)
Tanggalkan penutup kotak penapis udara dengan cara membuka skru yang mengikatnya kemudian tarik keluar elemen penapis udara.
2. udara dengan cara membuka skru yang mengikatnya kemudian tarik keluar elemen penapis udara.

PENYELENGGARAAN BERKALA DAN PEMBAIKAN MUDAH



1. Elemen penapis udara
3. Tanggalkan elemen penapis udara keluar dan gantikan yang baru.

PERHATIAN : _____

Model ini menggunakan elemen penapis jenis "VISCous" yang tidak memerlukan pembersihan. Setelah menempuh jalanan 16,000km, gantikannya dengan elemen penapis udara yang baru.

4. Pasangkan elemen penapis udara ke dalam kotak penapis.

PERHATIAN :

Pastikan elemen penapis udara dipasang dengan kemas ke dalam kotak penapis. Jangan mengoperasikan enjin sekiranya elemen penapis udara tidak dipasang kerana ia akan mengakibatkan piston dan/atau silinder calar atau rosak.

5. Pasangkan penutup kotak penapis udara dengan mengikat kembali skru-skrunya.

TIP : _____

Jika terdapat air atau kekotoran pada hos pemeriksaan penapis udara, tanggalkan pemegang kemudian tanggalkan penyumbat untuk membersihkan hos.

6. Pasangkan penutup


PENYELENGGARAAN BERKALA DAN PEMBAIKAN MUDAH

Penyelarasan halaju tanpa gerak enjin

Penyelarasan halaju enjin tanpa gerak harus diperiksa, jika perlu penyelarasan, lakukan dalam tempoh seperti ditunjukkan pada rajah penyelenggaraan dan pelinciran. Enjin perlu berada dalam keadaan panas sebelum penyelarasan.

TIP : _____

- Enjin panas apabila ia bertindakbalas dengan cepat terhadap pendikit.
- Takometer berdiagnosis diperlukan untuk penyelenggaraan ini.



1. Skru penyelarasan halaju tanpa gerak

Kelajuan tanpa gerak enjin
1300-1500 r/min


TIP : _____

Jika kelajuan tanpa gerak enjin yang ditetapkan tidak dapat dicapai, dapatkan wakil Yamaha untuk pemeriksaan.

1. Tanggalkan penutup A (lihat m/s 6-5)
2. Pasangkan takometer ber-diagnosis pada sumber api palam pencucuh. Periksa kelajuan tanpa gerak enjin dan jika perlu, laraskannya dengan memutar skru penyelaras halaju tanpa gerak. Untuk menambah pelarasian, putarkan skru ke arah (a), untuk mengurangkan pelarasian ke lajuen enjin pula, putarkan skru ke arah (b).

4. Pasangkan kembali penutup.

Penyelarasan gerak bebas kabel pendikit




1. Gerak bebas kabel pendikit

Gerak bebas kabel pendikit sepatutnya 3.0 – 7.0mm (0.12 – 0.28 in) dengan pemegang pendikit. Sentiasa memeriksa gerak bebas kabel pendikit, jika perlu, laraskannya seperti yang ditunjukkan.

TIP : _____

Sebelum menyelaras gerak bebas bagi kabel pendikit, hendaklah menyelaraskan halaju enjin tanpa gerak dengan betul terlebih dahulu.

PENYELENGGARAAN BERKALA DAN PEMBAIKAN MUDAH



1. Nut pengunci
2. Nut pelarasan

1. Longgarkan nut pengunci
2. Untuk menambah gerak bebas kabel pendikit, putarkan nut pelarasan pada arah (a).Untuk mengurangkan gerak bebas kabel pendikit, putarkan nut pelarasan pada arah (b).
3. Ketatkan nut pengunci.

Jarak bebas injap

Jarak bebas injap akan berubah apabila digunakan, menyebabkan pembakaran campuran udara minyak kurang tepat dan/atau enjin berbunyi. Untuk mengelakkan ini terjadi, hubungilah wakil Yamaha mengikut pada jadual penyelenggaraan dan pelinciran yang khusus.

Tayar

Untuk memastikan prestasi yang maksima, ketahanan, dan operasi yang selamat, perhatikan perkara-perkara berikut.

Tekanan angin tayar

Sebelum menunggang motosikal, periksa dan jika perlu tambah atau kurangkan tekanan angin tayar pada tekanan yang sesuai.

AMARAN

- Periksa dan laraskan tekanan angin tayar semasa suhu tayar sejuk. (Suhu udara pada tayar sama dengan suhu persekitaran)
- Tekanan udara dalam tayar perlu diselaraskan dengan kelajuan dan berat pemandu, penumpang, muatan barang dan alat tambahan yang sesuai dengan model ini.

PENYELENGGARAAN BERKALA DAN PEMBAIKAN MUDAH

Tekanan udara tayar (pada udara sejuk):
(tiub / tanpa tiub)

0-90kg (198 lb)

Depan

200kPa(29psi)(2.00kgf/cm²)

Belakang

225kPa(33psi)(2.25kgf/cm²)

90-110kg (198-243 lb)

Depan

200kPa(29psi)(2.00kgf/cm²)

Belakang

225kPa(33psi)(2.25kgf/cm²)

Berat maksimum

150kg (331 lb)

*Jumlah keseluruhan pemandu, penumpang, muatan barang dan alat tambahan

MOTOSIKAL. Pastikan keseluruhan penunggang, muatan dan barang tidak melebihi berat muatan yang dibenarkan. Kesan daripada lebihan muatan akan menyebabkan kerosakan pada tayar motosikal, kehilangan kawalan, atau kecederaan.

Kedalaman minimum bunga tayar
(depan dan belakang)

1.0 mm (0.04 in)

TIP :


Had kedalaman bunga tayar mungkin berbeza mengikut negara. Selalu mematuhi peraturan tempatan.

Maklumat tayar

Motosikal ini dilengkapi dengan tayar bertiub untuk roda jejari dan tanpa tiub untuk roda aloi.

AMARAN

Pemeriksaan Tayar (tiub / tanpa tiub)



1. Dinding tepi tayar
2. Penunjuk penggunaan tayar
3. Kedalaman bunga tayar

Keseimbangan dan berat muatan adalah penting semasa mengendalikan motosikal, membrek, prestasi dan keselamatan. Jangan membawa barang yang tidak diikat dengan ketat kerana boleh menyebabkan barang tersebut jatuh semasa penunggangan. Bungkuslah barang dengan cermat dan letakkan di tengah-tengah supaya beratnya sekata dikiri dan dikanan. Periksa keadaan dan tekanan tayar motosikal anda. **JANGAN MEMBAWA MUATAN YANG BERLEBIHAN DI ATAS**

AMARAN

- Tayar hadapan dan tayar belakang haruslah sama jenis dan rekabentuk, jika tidak pengawalan semasa penunggangan tidak terjamin. Selepas diuji, hanya tayar jenis berikut disyorkan pada model ini oleh Yamaha Motor Co.Ltd.

PENYELENGGARAAN BERKALA DAN PEMBAIKAN MUDAH

Tiub untuk roda jejari
Tanpa tiub untuk roda aloi

Tayar hadapan:

Saiz:
70/90-17 M/C 38P
Pengilang/ Model:
Vee Rubber / V322F

Tayar belakang:

Saiz:
80/90-17 M/C 44P
Pengilang/ Model:
Vee Rubber / V322R


AMARAN

- Adalah berbahaya menunggang motosikal dengan tayar yang tidak berbunga. Jika bunga tayar menunjukkan garisan, dapatkan khidmat pihak wakil Yamaha untuk menggantikan tayar tersebut dengan segera.
- Penukaran barang brek, tayar dan roda harus dikendalikan oleh wakil Yamaha yang berpengalaman dan berpengalaman.
- Tayar yang pancit tidak disarankan untuk ditampali. Walau bagaimanapun, jika keadaan tidak mengizinkan, tampali tiub sebaik

mungkin dan tukar tiub baru dan berkualiti secepat mungkin.

Angin/gas penyerap hentak (roda aloi)

Angin / gas penyerap hentak menggunakan lebih membrane untuk mengasingkan minyak dari bahagian silinder angin.



AMARAN

- Jangan bakar, bocor atau buka silinder angin / gas.


Roda

Untuk memastikan prestasi yang maksima, tahan lama dan operasi yang selamat, perhatikan perkara berikut:

- Periksa jika ada keretakan dan lenturan roda, jejari longgar (untuk model tayar berjejari) ataupun kerosakan. Jika terdapat kerosakan ditemui, dapatkan pembaikan dari pihak wakil Yamaha. Jangan cuba membaiki sendiri kerosakan pada roda walaupun kerosakan kecil. Sekiranya, roda mengalami keretakan atau pengubahan bentuk ia mestilah digantikan.
- Tayar atau roda mestilah diseimbangkan apabila salah satunya ditukar atau digantikan. Ketidakseimbangan tayar akan mengakibatkan prestasi buruk, ciri kawalan yang tidak baik dan memendekkan jangka hayat tayar. Selepas memasang tayar, tunggang dengan cermat dengan kelajuan yang sederhana memandangkan bunga tayar yang baru untuk menyesuaikan dan membentuk sifatnya yang optimum.

PENYELENGGARAAN BERKALA DAN PEMBAIKAN MUDAH

Pemeriksaan gerak bebas tuil
brek hadapan




ia sepatutnya tidak mempunyai gerak bebas langsung pada tuil brek hadapan. Jika ada, dapatkan pemeriksaan sistem brek daripada pengedara Yamaha.

6

AMARAN


Brek yang lembut dan kenyal menunjukkan kehadiran udara dalam sistem hidraulik. Jika terdapat gelembung udara di dalam sistem hidraulik, hubungi wakil Yamaha untuk membaikinya. Udara di dalam sistem hidraulik akan mengganggu prestasi membrek, yang akan menyebabkan kehilangan kawalan dan berlakunya kemalangan.

Penyelarasan gerak bebas pedal
brek belakang



1. Gerak bebas pedal brek belakang

Gerak bebas tuil brek belakang sepatutnya berada di antara 20.0 –30.0 mm (0.80 – 1.18 in) seperti yang ditunjukkan pada rajah. Sentiasa memeriksa gerak bebas tuil. Laras jika perlu. Untuk menambah gerak bebas tuil brek belakang, pusingkan nat pelaras mengikut arah (a). Untuk mengurangkan gerak bebas tuil brek belakang, pusingkan nat pelaras ke arah (b).




1. Nat pelaras gerak bebas pedal brek belakang

AMARAN

- Selepas melaras kekendumaran tali pemacu, menanggal atau memasang roda belakang, sentiasa menguji gerak bebas pedal brek belakang.
- Jika pelaras yang betul tidak dapat dilakukan, dapatkan wakil Yamaha untuk melaraskannya.
- Selepas melaraskan gerak bebas pedal brek, periksa operasi lampu brek.

PENYELENGGARAAN BERKALA DAN PEMBAIKAN MUDAH

Penyelarasan suis lampu brek belakang




1. Suis lampu brek belakang

2. Nat pelarasian suis lampu brek belakang

Suis lampu brek belakang, yang diaktifkan oleh pedal brek dilaras dengan baik. Lampu brek belakang akan menyala apabila pedal brek ditekan sebelum motosikal berhenti. Jika perlu, laraskan suis lampu brek seperti ditunjukkan. Pusingkan nut pelarasian semasa suis lampu brek dipegang pada tempatnya. Untuk melaraskan supaya lampu brek menyala lebih awal, pusingkan nat pelarasian ke arah (a). Untuk me-laraskan supaya lampu brek menyala lebih lambat, pusingkan nat pelarasian ke arah (b).

Memeriksa pad brek hadapan dan kekasut brek belakang

Pad brek hadapan




1. Alur penunjuk kehausan pad brek

Pad brek hadapan dan kekasut brek belakang harus sentiasa diperiksa untuk memastikan kehausannya dalam tempoh yang ditetapkan pada jadual penyelenggaraan dan pelinciran.

Semua pad brek mempunyai lurah penunjuk kehausan, untuk membolehkan pemeriksaan kehausan tanpa perlu menanggalkannya. Untuk memeriksa kehausan pad brek, lihat pada lurah pad brek. Jika kehausan pada pad brek telah sampai pada hadnya, lurah pada pad brek hampir tidak kelihatan. Dapatkan wakil Yamaha untuk menggantikan sepasang pad brek.

Kekasut brek belakang



1. Tanda had kehausan kekasut brek

2. Penunjuk kehausan kekasut brek

Penunjuk kehausan dipasang dengan brek belakang, untuk memudahkan pemeriksaan kehausan kekasut brek tanpa perlu menanggalkannya. Untuk memeriksa kehausan kekasut brek, perhatikan penunjuk kehausan semasa menekan pedal brek. Apabila penunjuk mencapai pada tanda had kehausan kekasut brek menunjukkan kekasut brek harus ditukar. Dapatkan wakil Yamaha untuk penggantian sepasang kekasut brek.

PENYELENGGARAAN BERKALA DAN PEMBAIKAN MUDAH

Memeriksa paras minyak brek hadapan



1. Tanda had minimum

6

Kekurangan minyak brek membolehkan udara memasuki sistem brek dan akan mengganggu fungsinya. Sebelum penunggangan pastikan minyak brek melebihi paras minima, tambah jika perlu. Kekurangan minyak brek mungkin berpunca dari kehausan pad brek atau kebocoran. Jika minyak brek berkurangan, periksa kehausan pad atau kebocoran.

Perhatikan perkara-perkara penting dibawah:

- Semasa memeriksa paras minyak brek, pastikan paras silinder utama berkeadaan sekata dengan melaraskan pemegang bar.
- Gunakan cecair brek yang disyorkan, jika tidak getah penutup akan rosak kemungkinan berlakunya kebocoran dan pengurangan prestasi membrek.

Minyak brek yang disyorkan

DOT 4

TIP :

DOT 3 boleh digunakan selain DOT 4

- Penambahan minyak brek hendaklah menggunakan minyak brek yang sama jenis. Mencampurkan minyak brek menyebabkan tindak balas kimia dan prestasi brek menurun.
- Pastikan air tidak masuki semasa penambahan cecair brek ke dalam silinder utama. Air akan menurunkan takat didih cecair dan akan menyebabkan "vapor lock".

- Minyak brek akan merosakkan bahan bercat atau bahan plastik. Bersihkan secepat mungkin jika tumpahan berlaku.
- Adalah biasa sekiranya minyak brek berkurangan jika berlaku kehausan pada pelapik brek. Walau bagaimanapun, jika cecair berkurangan secara tiba-tiba, dapatkan bantuan dari wakil Yamaha untuk pemeriksaan.


Menukar minyak brek

Dapatkan wakil Yamaha untuk menukar minyak brek dalam masa yang telah diberikan di dalam jadual penyelenggaraan dan pelinciran. Jika terdapat kebocoran getah penutup minyak (oil seal) pada silinder brek utama, kaliper dan hos brek, dapatkan wakil Yamaha untuk penggantian ataupun tukar pada tempoh yang ditetapkan.

- "Oil seals" : Tukar 2 tahun sekali
- Hos brek : Tukar 4 tahun sekali

PENYELENGGARAAN BERKALA DAN PEMBAIKAN MUDAH

Rantai pamacu kendur



1. Kekenduran rantai pamacu

Kekenduran rantai pamacu perlu diperiksa sebelum menunggang motosikal, dan laraskannya jika perlu.


Memeriksa kekenduran rantai pamacu

1. Tegakkan motosikal di atas pangsi tengah.
2. Masukkan gear ke kedudukan Neutral.
3. Pusingkan roda belakang beberapa kali untuk mengesan bahagian rantai pamacu yang paling ketat.
4. Laraskan kekenduran rantai pamacu seperti yang ditunjukkan

Kekenduran rantai pamacu

25.0-35.0mm (0.98-1.38 in)

Melaraskan kekenduran rantai pamacu



1. Nat pengunci
2. Nat pelaras kekenduran rantai pamacu
3. Nat rod roda

6

5. Jika kekenduran rantai pamacu salah, laraskannya seperti berikut:

1. Longgarkan nat pelaras gerak bebas pedal brek dan nat rod untuk tork brek.
2. Longgarkan nat roda, kemudian longgarkan kedua-dua nat pengunci di hujung swingarm.


PENYELENGGARAAN BERKALA DAN PEMBAIKAN MUDAH

- Untuk mengetatkan rantai pemacu, pusingkan kedua-dua nat pelaras ke arah (a). Untuk melonggarkan rantai pemacu, pusingkan kedua-dua nat pelaras ke arah (b), dan tolak roda belakang ke hadapan.

PERHATIAN:

Kekenduran rantai pemacu yang salah boleh memberi beban lebih kepada enjin dan menyebabkan rantai tergelincir atau putus. Pastikan kekenduran rantai pemacu selalu di dalam had yang telah ditentukan.

6



- Nat pengunci
- Nat pelaras kekenduran rantai pemacu
- Tanda penjajaran

TIP: _____

Gunakan pada kedua-dua belah swingarm dengan tanda penjajaran yang sama untuk penjajaran roda yang sempurna.

- Ketatkan kedua-dua nat pengunci, kemudian ketatkan nat rod roda dan nat rod untuk tork brek dengan tork yang bersesuaian.

Tork pengetatan

Nat rod roda

60 Nm (6.0 m.kgf, 43 ft.ibf)

Nat rod untuk tork brek

19 Nm (1.9 m.kgf, 14 ft.ibf)

TIP: _____

Semasa mengetatkan nat rod roda, tahan rod roda dengan menggunakan spana supaya ia tidak berpusing.

- Laraskan gerak bebas pedal brek (lihat m/s 6-18)

AMARAN

Setelah mlaraskan gerak bebas pedal brek, pastikan lampu belakang berfungsi dengan baik.

PENYELENGGARAAN BERKALA DAN PEMBAIKAN MUDAH

Membersih dan melincir rantai pemacu

Rantai pemacu mesti dibersihkan dan dilincirkkan dalam masa yang telah dicatatkan di dalam jadual penyelenggaraan dan pelinciran. Jika tidak, rantai pemacu akan mudah rosak terutama jika digunakan di tempat berdebu atau basah. Selenggara rantai pemacu seperti berikut.

PERHATIAN:

Rantai pemacu harus dilincirkkan selepas mencuci atau menunggang motosikal di dalam hujan.

1. Guna berus atau kain untuk membersihkan semua kotoran dan lumpur dari rantai pemacu.

TIP :

Untuk pembersihan yang lengkap, dapatkan wakil Yamaha untuk mengeluarkan rantai pemacu dan merendamkannya ke dalam pelarut.

2. Semburkan "Yamaha Chain and Cable Lube" atau pelincir jenis semburan yang bermutu tinggi kepada kedua-dua belah dan bahagian tengah rantai pemacu. Pastikan semua permukaan rantai pemacu disembur dengan sekata.

Pemeriksaan dan pelinciran kabel

Operasi yang dijalankan oleh semua kabel kawalan dan keadaan kabel seharusnya diperiksa sebelum penunggangan. Kabel haruslah dilincirkan jika perlu. Jika kabel rosak atau tidak bergerak dengan lancar, dapatkan wakil Yamaha untuk memeriksa atau menggantikannya.

AMARAN

Kerosakan sarung kabel akan menganggu operasi kabel dan menyebabkan kabel berkarat. Gantikan kabel yang rosak untuk mengelakkan sebarang kejadian yang tidak selamat berlaku.

Pelincir yang disyorkan:


Minyak pelincir

Pemeriksaan dan pelinciran pengcengkam pendek dan kabel

Periksa operasi pengcengkam pendek sebelum penunggangan. Kabel perlu dilincirkan dan ditukar dalam tempoh tertentu seperti dalam jadual penyelenggaraan dan pelinciran.

PENYELENGGARAAN BERKALA DAN PEMBAIKAN MUDAH


Melincir tuil brek hadapan



6
Titik paksi pada tuil brek perlu dilincirkan di dalam tempoh yang ditetapkan mengikut jadual penyelenggaraan dan pelinciran.

Pelincir yang disyorkan:
Minyak pelincir


Melincir pedal brek belakang



Operasi pedal brek perlu diperiksa sebelum setiap penunggangan, dan paksi pedal sepatutnya dilincirkan jika perlu.

Pelincir yang disyorkan:
Gris berdasarkan lithium-soap
(gris semua-kegunaan)

Pemeriksaan dan pelinciran pangsi tengah dan pangsi sisi



Operasi pangsi tengah dan pangsi sisi harus diperiksa sebelum penunggangan dan pangsi pergerakan permukaan besi-ke-besi perlu dilincirkan untuk melancarkan pergerakannya jika perlu.

AMARAN

Jika pangsi tengah dan pangsi sisi tidak berfungsi dengan lancar, hubungilah wakil Yamaha untuk memeriksa atau membalkinya.

Pelincir yang disyorkan:
Gris berdasarkan lithium-soap
(gris semua-kegunaan)

PENYELENGGARAAN BERKALA DAN PEMBAIKAN MUDAH

Pelinciran pangsi membelok swingarm pivots

Pangsi membelok mesti dilincirkan pada tempoh yang ditentukan dalam jadual penyelenggaraan dan pelinciran.

Pelincir yang disyorkan:

Gris berdasarkan lithium-soap

Pemeriksaan cabang hadapan

Pemeriksaan keadaan dan operasi cabang hadapan hendaklah diperiksa mengikut tempoh yang dinyatakan dalam jadual penyelenggaraan dan pelinciran.

Memeriksa keadaan cabang hadapan.

Periksa sama ada terdapat calar atau kerosakan pada bahagian tiub dalam dan kebocoran minyak pada cabang hadapan.


Memeriksa operasi cabang hadapan

1. Letakkan motosikal di tempat rata dalam keadaan tegak.

AMARAN

Untuk mengelak daripada kecederaan, penahanan yang stabil dan kemas pada motosikal diperlukan supaya tidak mudah jatuh.

2. Tarik brek hadapan, tekan dengan kuat pada handlebar ke bawah beberapa kali untuk memastikan cabang hadapan bergerak ke bawah dan ke atas secara lancar.



PERHATIAN:

Jika terdapat sebarang kerosakan atau gerakan cabang hadapan yang tidak lancar, hubungi wakil Yamaha untuk memeriksa atau membaikinya.

PENYELENGGARAAN BERKALA DAN PEMBAIKAN MUDAH


Pemeriksaan stering

Galas-galas stering yang haus atau longgar boleh mendatangkan bahaya. Adalah penting untuk memeriksa operasi stering dalam tempoh yang ditentukan seperti yang ditunjukkan jadual penyelenggaraan dan pelinciran.

1. Letakkan penyokong dibawah enjin untuk meninggikan roda depan dari lantai.

AMARAN

Untuk mengelakkan dari kecederaan, penahanan yang stabil dan kemas pada motosikal diperlukan supaya tidak mudah jatuh.




Pemeriksaan galas-galas roda

Pemeriksaan galas-galas roda haruslah dilakukan mengikut jadual penyelenggaraan dan pelinciran. Sekiranya terdapat kelonggaran pada hab roda ataupun roda tidak bergerak dengan lancar, dapatkan wakil Yamaha untuk memeriksa galas-galas roda itu.

2. Pegang pada hujung cabang hadapan motosikal dan cuba menggerakkannya ke depan dan ke belakang. Jika terasa sebarang kelonggaran pada pergerakan, mintalah wakil Yamaha untuk memeriksa dan membaiki stering.

PENYELENGGARAAN BERKALA DAN PEMBAIKAN MUDAH

Bateri



1. Terminal bateri

Model ini dilengkapi dengan bateri VRLA (Valve Regulated Lead Acid). Oleh itu ia tidak memerlukan pemeriksaan elektrolit atau penambahan air bateri ke dalam bateri. Walau bagaimanapun, sambungan pada bateri perlu diperiksa dan ketatkannya jika perlu.

PERHATIAN:

Dilarang membuka penutup pada bateri. Ia boleh merosakkan bateri.

AMARAN

- Elektrolit bateri mempunyai racun yang berbahaya juga boleh mengakibatkan lecuran yang teruk dan sebagainya. Jauhi daripada terkena kulit, mata atau pakaian. Sentiasa melindungi mata anda ketika bekerja berdekatan dengan bateri. Jika berlaku masalah, ikutilah langkah-langkah pertolongan cemas berikut.

- LUAR: Cuci dengan air yang banyak.

- DALAM: Minum banyak air atau susu dan segera dapatkan rawatan doktor.

- MATA: Cuci dengan air selama 15 minit dan dapatkan rawatan segera.

- Bateri mengeluarkan gas hidrogen yang mudah meletup. Jauhilah bateri dari api, bunga api, puntung rokok dan sebagainya. Pengaliran udara mestilah berkeadaan baik apabila mengecaskan bateri di kawasan yang tertutup.

● JAUHI SEBARANG BATERI DARIPADA KANAK-KANAK.

Mengecas bateri

Bawa bateri ke wakil Yamaha secepat mungkin sekiranya bateri menunjukkan ianya perlu dicas. Perlu diingati bahawa bateri mudah lemah jika motosikal ditambah dengan barang tambahan elektronik.

PERHATIAN:

Untuk mengecas bateri jenis VRLA (Valve Regulated Lead Acid), memerlukan pengelas yang khas (voltan dibekalkan secara sekata). Menggunakan pengelas yang biasa boleh merosakkan bateri. Jika tiada alat pengelas yang khas untuk bateri jenis ini, dapatkan wakil Yamaha untuk mengecas bateri.

PENYELENGGARAAN BERKALA DAN PEMBAIKAN MUDAH

Menyimpan bateri

- Apabila motosikal tidak akan digunakan selama sebulan atau lebih, tanggalkan bateri, caskan sepenuhnya dan simpan di tempat sejuk dan kering.

PERHATIAN:

Semasa menanggalkan bateri, pastikan suis utama dalam keadaan 'OFF', cabut pada penyambungan negatif dahulu sebelum penyambungan positif.


- Jika bateri akan disimpan untuk lebih dari dua bulan, bateri harus diperiksa sekurang-kurangnya sekali sebulan dan caskan sepenuhnya jika perlu.
- Sebelum pemasangan, bateri perlu dicas sepenuhnya.
- Selepas pemasangan bateri pada kedudukan asal motosikal, pastikan sambungan terminal bateri disambung dengan baik.

6

PERHATIAN:

Pastikan bateri dicas sepenuhnya sebelum disimpan. Kerosakan mungkin terjadi sekiranya bateri disimpan tanpa dicas.

Penggantian fius



1. Fius utama dan fius simpanan

Pemegang fius berada di bawah tempat duduk (lihat m/s 3-8). Jika fius terbakar, gantikannya seperti yang ditunjukkan.

- Pastikan suis utama berada pada kedudukan 'OFF' dan semua sambungan litar elektrik terputus
- Keluarkan fius yang terbakar, dan gantikannya dengan fius yang baru yang mempunyai ampere yang sesuai.

AMARAN! Jangan menggunakan fius yang mempunyai ampere yang tinggi dari yang disyorkan untuk mengelakkan berlakunya kerosakan pada sistem elektrik dan kemungkinan kebakaran.


Fius yang disyorkan

7.5A

- Pusingkan suis utama pada kedudukan 'ON' dan semua sambungan litar elektrik untuk memastikan fius yang dipasang berfungsi dengan baik.
- Jika fius masih lagi terbakar, dapatkan wakil Yamaha untuk pemeriksaan.

PENYELENGGARAAN BERKALA DAN PEMBAIKAN MUDAH

Penukaran mentol lampu hadapan




1. Pemegang mentol lampu hadapan
2. Penutup B

Jika mentol lampu hadapan terbakar, tukarkan seperti berikut

1. Tanggalkan penutup B. (lihat m/s 6.6)
2. Tanggalkan pemegang mentol lampu hadapan dengan melekan ia ke dalam dan pusing ke arah lawan jam, dan keluar kan mentol yang terbakar.

AMARAN

Mentol lampu boleh menjadi sangat panas. Oleh itu, jauhkan mentol daripada bahan mudah terbakar dan jangan sentuh mentol sehingga ia sejuk.




1. Jangan menyentuh kaca mentol
3. Pasangkan mentol baru pada kedudukannya, kemudian pasang -kan ia pada pemegang mentol.

PERHATIAN:

Jangan sentuh bahagian kaca mentol lampu supaya ia bebas dari minyak dan prestasi ia tidak terjejas. Bersihkan sebarang kotoran atau cap jari di atas mentol menggunakan kain dan alkohol atau "thinner".

4. Pasangkan penutup.
5. Dapatkan khidmat wakil Yamaha untuk melaraskan pancaran lampu hadapan jika perlu.

Penukaran mentol lampu isyarat arah dan lampu bantuan hadapan




1. Soket mentol lampu isyarat arah
2. Soket mentol lampu bantuan
3. Penutup A

Jika mentol lampu isyarat arah atau lampu bantuan terbakar, tukarkannya seperti berikut:



1. Tanggalkan panel hadapan dan penutup A (lihat m/s 6-6)
2. Tanggalkan soket (berserta dengan mentol) dengan cara memusingkan ia melawan arah jam.
3. Cabut keluar mentol yang terbakar.

PENYELENGGARAAN BERKALA DAN PEMBAIKAN MUDAH



1. Mentol

Penukaran mentol lampu isyarat belakang/ brek



1. Kanta dalam
2. Skru kanta dalam

1. Kanta luar
2. Skru kanta luar
3. Penutup sisi


6. 4. Pasangkan mentol baru pada soket.
Pasangkan soket (berserta mentol
5. yang telah diganti) dengan
memusingkan ia mengikut arah jam.
Pasangkan penutup.
- 6.

1. Tanggalkan panel belakang dan
penutup sisi. (lihat m/s 6-7)
2. Buka skru lensa lampu untuk
menanggalkannya.
3. Tanggalkan mentol lampu belakang
atau lampu isyarat arah yang
terbakar dengan cara menekan dan
pusingkan pada arah lawan
jam.Cabut keluar mentol lampu
yang terbakar.

4. Pasangkan mentol lampu isyarat
arah atau lampu belakang yang
baru, tekan dan pusingkan ia ke arah
lawan jam sehingga tidak dapat
dipusingkan lagi.
5. Pasangkan lensa lampu dan
skru-skrunya.
PERHATIAN: Jangan ikat skru terlalu
kuat, ia akan menyebabkan lensa
pecah atau retak.
6. Pasangkan penutup sisi dan panel
belakang.

PENYELENGGARAAN BERKALA DAN PEMBAIKAN MUDAH

Roda Hadapan



1. Kabel jangkalaju
2. Nat rod roda dan sesendal

Menanggalkan roda hadapan

AMARAN


Untuk mengelakkan kecederaan, sokong motosikal dengan cermat dan kemas supaya tidak terjatuh.

1. Letakkan motosikal pada kedudukan pangsi tengah.
2. Cabut keluar kabel jangkalaju daripada roda hadapan.
3. Tanggalkan nat rod roda dan sesendal.

4. Cabut keluar rod roda dan keluarkan roda. **PERHATIAN:**
Jangan menekan brek hadapan apabila roda telah ditanggalkan bersama dengan brek cakera. Ia menjadikan pad brek rapat dan menyukarkan pemasangan semula roda.

Memasang roda hadapan

1. Pasangkan unit gear jangkalaju ke dalam hab roda. Pastikan julur pada hab roda masuk sepadan dengan salah satu celah unit gear jangkalaju.




1. Unit gear jangkalaju
2. Angkatkan roda dan masukkan di antara cabang hadapan.

TIP:

Pastikan ada ruang yang cukup pada pad brek untuk memasukkan cakera brek. Pastikan juga penahan dalam unit gear jangkalaju masuk dengan sempurna dalam celah pada kaki cabang hadapan.

PENYELENGGARAAN BERKALA DAN PEMBAIKAN MUDAH



1. Penahan
2. Celah

3. Masukkan rod roda, kemudian pasangkan nat rod roda.
4. Lipatkan pangsi tengah motosikal supaya roda hadapan berada pada permukaan lantai.
5. Ketatkan nat rod roda mengikut tork yang ditetapkan.

6

Tork pengetatan:


Nat rod roda:
40 Nm (4.0m.kgf, 29 ft.ibf)

TIP :

Semasa mengetatkan nat rod roda, pegangkan rod roda dengan spana supaya ia tidak berpusing.

6. Semasa menarik brek, tekan dengan kuat pada handlebar beberapa kali untuk memastikan cabang hadapan bergerak ke bawah dan ke atas secara lancar.
7. Sambungkan kabel jangkalaju.

Roda belakang



1. Nat rod roda dan sesendal
2. Nat pelaras rantai pemacu
3. Nat pengunci pelarasan rantai pemacu
4. Nat rod untuk tork brek


Menanggalkan roda belakang

AMARAN

Untuk mengelak dari kecederaan, pastikan motosikal berkeadaan kukuh dan tidak mudah jatuh.

1. Longgarkan nat rod roda.
2. Longgarkan nat pengunci dan nat pelarasan rantai pemacu pada kedua-dua swingarm.
3. Longgarkan rod untuk tork brek pada plet kekasut brek.

PENYELENGGARAAN BERKALA DAN PEMBAIKAN MUDAH



1. Tuil camshaft brek
2. Nat pelarasan gerak bebas pedal brek
3. Bolt dan nat rod untuk tork brek
4. Rod brek
5. Nat rod roda dan sesendal

4. Tanggalkan rod untuk tork brek dari plet kekasut brek dengan menanggalkan pin buaian, nat, sesendal dan bolt.
5. Tegakkan motosikal menggunakan pangsi tengah.
6. Tanggalkan nat pelarasan gerak bebas pedal brek, kemudian tanggalkan rod brek dari tuil camshaft brek.

7. Tanggalkan nat rod roda dan sesendal, kemudian tarik keluar rod roda.

TIP : _____
Jangan tanggalkan sesendal yang ada pada sebelah kanan rod roda supaya ia tidak hilang.

8. Tolak roda ke hadapan, dan tanggalkan rantai pemacu daripada sprocket belakang.

TIP : _____
Rantai pemacu tidak perlu ditanggalkan semasa menanggalkan dan memasang roda belakang.

9. Tanggalkan roda

Memasang roda belakang

1. Masukkan rod roda daripada sebelah kiri, pasangkan sesendal dan nat rod roda.
2. Pasangkan rantai pemacu pada sprocket belakang.
3. Letakkan motosikal pada posisi pangsi sisi untuk merendahkan motosikal supaya roda mencecah lantai
4. Pasangkan rod brek pada tuil camshaft brek, dan pasangkan nat pelarasan gerakbebas pedal brek pada rod brek
5. Sambungkan rod untuk tork brek pada plet kekasut brek dengan cara memasang bolt dan nat asal pada tempatnya dan ikat nat mengikut tork yang ditetapkan.

6

Tork pengetatan:

Nat rod untuk tork brek:
19Nm (1.9m-kgf, 14ft-lbf)

PENYELENGGARAAN BERKALA DAN PEMBAIKAN MUDAH

6. Laraskan kekenduran pada rantai pamacu. (lihat m/s 6-21)
7. Ketatkan nat rod roda mengikut tork yang diberi.

Tork pengetatan:

Nat rod roda:
60Mn (6.0m-kgf, 43ft-lbf)

8. Laraskan gerak bebas pedal brek. (lihat m/s 6-18)

AMARAN

Selepas pelarasan gerak bebas pedal brek selesai, pastikan juga memeriksa lampu brek belakang.

6

Penentuan masalah

Walaupun motosikal Yamaha melalui pemeriksaan yang rapi sebelum dikeluarkan dari kilang, namun masalah mungkin akan berlaku semasa ia beroperasi. Sebarang masalah berlaku dalam sistem pembakaran minyak, mampatan atau sistem penyalian boleh menyebabkan masalah semasa menghidupkan enjin dan kehilangan tenaga. Rajah penentuan masalah memberikan penerangan prosedur pemeriksaan yang cepat dan mudah. Sekiranya motosikal anda perlu diperbaiki, dapatkan wakil Yamaha untuk memperbaikinya kerana mereka mempunyai peralatan, pengalaman dan kemahiran untuk memberi perkhidmatan yang terbaik.

Hanya gunakan barang-barang tulen Yamaha untuk motosikal anda. Barang-barang tiruan mungkin serupa dari segi bentuk tetapi kualitinya kurang, jangka hayat penggunaan yang pendek dan akan membawa kepada kos pembaikan yang lebih tinggi.

AMARAN

Semasa memeriksa sistem bahan api, dilarang sama sekali merokok, dan pastikan tiada pembakaran terbuka atau percikan api berdekatan, termasuk lampu penunjuk dari pemanas air atau relau. Gasolin dan wap gasolin mudah terbakar dan meletup, boleh menyebabkan melecur anggota badan ataupun kerosakan harta benda.

PENYELENGGARAAN BERKALA DAN PEMBAIKAN MUDAH

Rajah penentuan masalah


Masalah menghidupkan atau prestasi enjin kurang.




AMARAN

Jauhi dari punca kebakaran dan jangan merokok semasa melakukan pemeriksaan atau kerja pada sistem bahan api.

1. Bahan Api




2. Tekanan



6

3. Pencucuhan



4. Bateri



PENJAGAAN DAN PENYIMPANAN MOTOSIKAL

Penjagaan

Reka bentuk motosikal yang semakin terbuka menunjukkan daya tarikan teknologi, tetapi ini juga menyebabkan motosikal mempunyai daya tahan lasak yang lebih rendah. Sungguh pun komponen yang berkualiti tinggi digunakan, pengaratan dan hakisan tetap akan berlaku. Tiub ekzos yang karat mungkin tidak dapat diperhatikan pada kereta tetapi ia akan menjelaskan imej untuk sesebuah motosikal kerana ia dapat dilihat dengan jelas. Penjagaan selalu dan menyeluruh tidak hanya patuh kepada syarat-syarat jaminan tetapi juga akan mengekalkan rupa, melanjutkan hayat kegunaan, dan mengoptimumkan prestasi motosikal.

Sebelum pembersihan

7

1. Tutup salur keluaran ekzos dengan beg plastik selepas enjin dalam berkeadaan sejuk.
2. Pastikan semua penutup dan penyambungan elektrikal, termasuk penutup palam pencucuh dipasangkan dengan ketat.
3. Tanggalkan kotaran seperti kesan minyak pada peti engkol dengan menggunakan ejen pencuci anti-gris, dan berus, tetapi jangan gunakannya pada seal, gasket, sprocket, rantai pemacu dan rod roda. Selalunya

basuh kekotoran dan anti-gris dengan air.

Pembersihan

Perhatian:

- Elak menggunakan ejen pencuci roda berasid kuat terutamanya pada roda berjejari. Sekiranya produk ini yang digunakan untuk menanggalkan kesan kotoran, jangan biarkan pencuci di tempat berkenaan lebih lama daripada yang disyorkan. Juga, basuh bahagian tersebut dengan air secukupnya, keringkan serta tama dan kemudian sapukan dengan ejen penanggal karat.
- Pembersihan yang tidak sesuai akan mengakibatkan kerosakan pada pelindung angin, penutup, panel dan komponen-komponen plastik yang lain. Gunakan hanya kain yang lembut, bersih atau span dengan sabun yang sesuai dan air untuk membersihkan bahagian plastik.
- Jangan gunakan sebarang bahan kimia yang tidak bersesuaian terhadap komponen-komponen plastik. Hindarkan daripada penggunaan kain atau span yang mempunyai bahan pencuci yang kuat, pelarut, bahan api (minyak petrol), ejen penanggal atau anti-karat, cecair brek, ejen anti-beku atau elektrolit.
- Jangan guna pembasuh tekanan tinggi atau stim jet kerana ia akan menyebabkan resapan air dan kemerosotan pada bahagian-bahagian berikutnya: penutup (untuk roda dan bering swingarm, cabang hadapan dan brek), komponen elektrik (soket, penyambung dan lampu-lampu), saluran hembusan, dan lubang angin
- Untuk motosikal yang dilengkapkan dengan pelindung angin, jangan gunakan ejen pencuci yang kuat atau span yang kasar dimana ia akan mengakibatkan pudar dan calar. Sesetengah sebatian pembersih untuk plastik mungkin meninggalkan calar terhadap pelindung angin. Sebelum menggunakan, cuba ejen pencuci di tempat terlindung pada pelindung angin. Sekiranya pelindung angin calar, gunakan sebatian mengilap yang berkualiti untuk menghilangkan calar.

PENJAGAAN DAN PENYIMPANAN MOTOSIKAL

Selepas penunggangan biasa

Tanggalkan kotoran dengan air suam, pencuci yang lembut, dan span yang lembut dan bersih, kemudian bilas secukupnya dengan air yang bersih. Gunakan berus gigi atau berus botol pada bahagian yang sukar dicapai. Kotoran dan serangga akan ditanggalkan dengan mudah sekiranya bahagian tersebut ditekap dengan kain basah untuk beberapa minit sebelum pembersihan.

Selepas penunggangan dalam hujan, berhampiran laut atau jalan "salt-sprayed"

Disebabkan oleh garam laut atau "salt sprayed" pada jalan semasa musim sejuk adalah terlalu menghakis apabila bercampur dengan air, jalankan langkah-langkah berikut selepas setiap penunggangan dalam hujan, berhampiran laut atau pada jalan "salt sprayed".

TIP:

"Salt sprayed" pada jalan dalam musim sejuk akan hilang sebaik sahaja musim bunga tiba.

1. Basuh motosikal dengan air sejuk dan pencuci lembut, selepas enjin sejuk.

Perhatian: Jangan gunakan air suam kerana air suam akan meningkatkan tindabalas hakisan terhadap garam.

2. Dapatkan semburan pelindung hakisan terhadap semua logam, termasuk permukaan yang bersalut dengan krom dan nikel, untuk mencegah hakisan.

Selepas pembersihan

1. Keringkan permukaan dengan "chamois" atau kain yang menyerap.
2. Keringkan rantai pemacu dengan serta merta dan lincirkannya untuk mencegah daripada karat.
3. Gunakan pengilap krom untuk mengilangkan krom, aluminium, dan komponen-komponen tanpa karat, termasuk sistem ekzos (Pelunturan warna melalui terma untuk komponen tanpa karat juga boleh ditanggalkan melalui pengilatan.)
4. Untuk mencegah hakisan adalah disyorkan untuk menggunakan semburan pelindung hakisan terhadap semua logam termasuk permukaan yang disalutkan dengan krom dan nikel.

5. Gunakan semburan minyak sebagai pembersih serbaguna untuk mananggalkan sebarang kotoran yang tertinggal.
6. Menghilangkan kesan calar kecil pada cat yang disebabkan oleh batu dan sebagainya.
7. Mengilangkan semua permukaan yang bercat.
8. Motosikal dikeringkan sepenuhnya sebelum disimpan atau ditutup.

AMARAN

- Pastikan tidak ada minyak atau lilin pada brek atau tayar. Sekiranya perlu, bersihkan disk brek dan pad brek dengan menggunakan pembasuh disk brek biasa atau aseton, dan bersihkan tayar tersebut dengan air suam dan pencuci yang lembut.
- Sebelum mengendali motosikal tersebut, uji keberkesanan brek dan sifat membelok motosikal.

Perhatian:

- Gunakan semburan minyak dan penyembur penggilap dan pastikan ia dilap sebaik.

PENJAGAAN DAN PENYIMPANAN MOTOSIKAL

- Jangan gunakan minyak atau penggilap pada sebarang komponen getah dan plastik, tetapi gunakan produk penjagaan yang bersesuaian.
- Elakkan daripada penggunaan sebatian penggilap yang keras seperti mana nereka akan melunturkan cat.

TIP :

Dapatkan wakil Yamaha untuk pendapat mengenai produk yang sesuai digunakan.

Penyimpanan

Jangka masa pendek

Simpan motosikal anda pada tempat yang dingin dan kering, dan sekiranya perlu, lindungkannya daripada habuk dengan pelindung poros.

7

PERHATIAN:

- Motosikal yang disimpan dalam bilik dimana pengaliran udaranya kurang baik atau terlindung dengan kain tapal, sementara motosikal masih basah, akan menyebabkan air dan kelembapan meresap masuk dan mengakibatkan pengaratan pada motosikal.
 - Untuk mencegah pengaratan, elakkan menyimpan motosikal dalam bilik bawah tanah yang lembap, bangsal (disebabkan kehadiran ammonia) dan di tempat yang terdapat bahan kimia kuat.
- Jangka masa panjang**
- Sebelum penyimpanan motosikal anda untuk beberapa bulan:
1. Ikut arahan didalam seksyen "Penjagaan" pada bab ini.
 2. Untuk motosikal yang dilengkapi dengan penapis bahan api dimana terdapat kedudukan "OFF": Pusingkan picu penapis kepada kedudukan "OFF".
3. Kosongkan bahan api dalam kaburator pada ruang pelampung dengan melonggarkan bolt limpahan, untuk mencegah pemendapan bahan api daripada berlaku. Tuangkan bahan api ke dalam tangki bahan api. Isikan tangki bahan api dan letakkan penstabil bahan api (sekiranya boleh didapati) untuk mencegah tangki bahan api daripada proses pengaratan dan juga kemerosotan kualiti bahan api.
 4. Lakukan langkah-langkah berikut untuk melindungi silinder, gelang omboh, dan sebagainya daripada pengaratan.
 - a. Tanggalkan penutup palam pencucuh dan palam pencucuh.
 - b. Tuangkan sedikit minyak enjin melalui lubang palam pencucuh pada kepala silinder.
 - c. Pasangkan penutup palam pencucuh pada palam pencucuh dan ikat palam pencucuh ke dalam kepala silinder supaya elektrod terlindung. (Ini akan mengurangkan percikan api semasa langkah seterusnya.)

PENJAGAAN DAN PENYIMPANAN MOTOSIKAL

- d. Hidupkan enjin beberapa kali dengan penghidup. (Ini akan melapiskan dinding silinder dengan minyak enjin yang dituang tadi)

AMARAN!

Untuk mencegah kerosakan disebabkan oleh percikan api, pastikan elektrod telah dibumikan semasa meng hidupkan enjin.

- e. Tanggalkan penutup palam pencucuh daripada palam pencucuh, dan kemudian pasangkan semula palam pencucuh dan penutup palam pencucuh.

6. Lincirkan semua kabel kawalan dan pangsi-pangsi untuk semua tuil dan pedal juga pangsi sisi dan pangsi tengah.

7. Periksa dan sekiranya perlu, laraskan tekanan angin tayar, dan letakkan motosikal dalam keadaan kedua-dua roda tidak mencecah permukaan lantai. Ataupun gerakkan roda sedikit setiap bulan untuk mencegah tayar tersebut daripada rosak pada satu bahagian.

8. Lindungi saluran keluaran ekzos dengan beg plastik untuk mencegah kelembapan.

9. Keluarkan bateri dan caskan semula. Simpan di tempat kering dan cas semula sekali sebulan. Jangan simpan bateri di tempat yang terlalu panas atau sejuk [kurang daripada 0 °C(30 °F) atau lebih daripada 30 °C(90 °F)]. Untuk informasi yang selanjutnya, lihat muka surat (6-28)

TIP:

Memperbaiki bahagian-bahagian yang perlu sebelum menyimpan motosikal.

SPESIFIKASI

Dimensi:

Panjang keseluruhan:

1935 mm

Lebar keseluruhan:

680 mm

Tinggi keseluruhan:

1065 mm

Tinggi tempat duduk:

765 mm

Asas roda:

1240 mm

Kelegaan lantai:

150 mm

Radius pusingan minima:

1590 mm

Berat:

Dengan minyak dan bahan api:

102.0 kg

Enjin:

Jenis enjin:

4 lejung sejukan udara, SOCH

Penyusunan silinder:

Silinder tunggal, arah depan
berkeadaan condong

Anjakan:

113.7 cm³

Ruang lubang x lejang:

50.0 x 57.9 mm

Nisbah mampatan:

9.3 : 1

Sistem penghidup:

Penghidup elektrik dan
penghidup tendang

Sistem pelinciran:

Takungan basah

Minyak enjin:

Jenis:

SAE20W40 atau SAE20W50

Gred minyak enjin yang disyorkan:

API servis jenis SF, SG atau yang
lebih tinggi JASO MA

Kapasiti minyak enjin:

Penukaran minyak enjin berjadual
0.80 L (0.85 US qt) (0.70 Imp.qt)

Penukaran dengan elemen penapis
minyak enjin:

0.85 L (0.90 US qt) (0.74 Imp.qt)

Jumlah kapasiti:

1 L (1.05 US qt) (0.80 Imp.qt)

Penapis udara:

Elemen penapis udara:

Elemen basah

Bahan api:

Bahan api disyorkan:

Gasolin biasa tanpa plumbum sahaja

Kapasiti tangki bahan api:

4.1 L (1.08 US gal) (0.89 Imp.gal)

Pendikit:

Buatan:

MIKUNI SE AC24-22/1

Jenis x kuantiti

VM17 SH X 1

Palam pencucuh:

Buatan/ model:

NGK CR6HSA / DENSO U20FSR-U

Jarak palam pencucuh:

0.6–0.7 mm (0.023–0.027 in)

Klac:

Jenis klac:

Basah, disk berganda dan
emparan automatik

Transmisi:

Sistem pengurangan utama:

Gear "spur"

Nisbah pengurangan utama:

58/20 (2.900)

Sistem pengurangan kedua:

Rantai pemacu

Nisbah pengurangan kedua:

41/13 (3.154)

Jenis penghantaran:

4 kelajuan gigi gear berterusan

Operasi:

Operasi kaki kiri

Nisbah gear:

Pertama:
34/12 (2.833)

Kedua:
30/16(1.875)

Ketiga:
23/17 (1.353)

Keempat:
23/22 (1.045)

Casis:

Jenis rangka:

Tiub besi bertulang bawah

SPESIFIKASI

Sudut caster

26.2

Trail:

73.0 mm

Tayar hadapan:

Jenis:

Menggunakan tiub dan tanpa tiub

Saiz:

70/90-17 M/C 38P

Dibuat/ model:

Vee Rubber / V322F

Tayar belakang:

Jenis:

Menggunakan tiub dan tanpa tiub

Saiz:

80/90-17 M/C 44P

Dibuat/ model:

Vee Rubber / V322R

Muatan:

Muatan maksimum:

150 kg (331 lb)

(Jumlah berat penunggang, penumpang,

kargo dan aksesori)

Tekanan angin tayar (semasa sejuk):

Keadaan muatan

0–90 kg (0–198 lb)

Hadapan:

200 kPa (29 psi) (2.00 kgf/cm²)

Belakang:

225 kPa (33 psi) (2.25 kgf/cm²)

Keadaan muatan:

90–110 kg (198–243 lb)

Hadapan:

200 kPa (29 psi) (2.00 kgf/cm²)

Belakang:

225 kPa (33 psi) (2.25 kgf/cm²)

Roda hadapan:

Jenis roda:

Roda jejari/ roda aloi

Saiz rim:

17x1.40

Roda belakang:

Jenis roda:

Roda jejari/ roda aloi

Saiz rim:

17x1.40

Brek hadapan:

Jenis:

Disk brek tunggal

Operasi:

Operasi tangan kanan

Minyak brek yang disyorkan:

DOT 3 or 4

Brek belakang:

Jenis:

Gelendung brek

Operasi:

Operasi kaki kanan

Suspensi hadapan:

Jenis:

Cabang teleskopik

Jenis penyerap hentak:

Spring melilit/ perendam minyak

Penurunan maksimum:

100.0 mm

Suspensi belakang:

Jenis:

Lengan buai

Jenis penyerap hentak:

Spring melilit/ perendam minyak

Penurunan maksimum:

80.0 mm

Sistem elektrikal:

Sistem pencucuhan:

DC. CDI

Sistem pengecas:

AC magneto

Bateri:

Model:

GTZWS-MF

Kapasiti voltan

12 V, 3,5 Ah

Lampu hadapan:

Jenis mentol:

Mentol Krypton

Voltan mentol, jumlah watt x kuantiti:

Lampu hadapan:

12 V, 25 W/25 W × 2

Lampu belakang/ brek:

12 V, 5.0 W/21.0 W × 1

Lampu isyarat arah hadapan:

12 V, 10.0 W × 2

Lampu isyarat arah belakang

12 V, 10.0 W × 2

SPESIFIKASI

Lampu posisi:

12 V, 3.4 W x 2

Lampu meter:

LED biru 0.3 W x 3

Lampu penunjuk gear Neutral:

12 V, 1.7 W x 1

Lampu penunjuk pancaran lampu tinggi:

12 V, 1.7 W x 1

Lampu penunjuk isyarat arah:

12V, 1.7 W x 2

Lampu ruang penyimpanan:

16 V 380mW (white) LED

Fius:

Fius:

7.5 A

MAKLUMAT PENGGUNA

No. pengenalan


Catatkan nombor pengenalan kunci, nombor siri rangka dan nombor siri enjin di dalam ruang yang disediakan bawah untuk kemudahan menempah barang-barang ganti daripada wakil Yamaha dan juga untuk rujukan sekiranya motosikal dicuri.

NO. PENGENALAN KUNCI:

NOMBOR SIRI RANGKA:

NOMBOR SIRI ENJIN:

Nombor pengenalan kunci



1. Nombor pengenalan kunci

Nombor pengenalan kunci dicapkan pada kunci. Catatkan nombor ini di dalam ruang yang disediakan untuk kemudahan menempah kunci baru.

Nombor siri rangka



1. No. siri rangka


Nombor siri kenderaan terdapat pada bahagian belakang rangka motosikal.

TIP : _____

Nombor siri rangka digunakan sebagai pengenalan motosikal dan akan digunakan untuk mendaftar motosikal mengikut penguatkuasaan perlesenan di kawasan anda.

MAKLUMAT PENGGUNA

Nombor siri enjin



1. No. siri enjin

No. siri enjin terdapat pada kotak enjin.

YAMALUBE®

HIGH PERFORMANCE



Pelincir Tuken Yamaha



YAMAHA

YAMAHA MOTOR CO., LTD.

PRINTED IN MALAYSIA